

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

“DENGAN adanya latihan dan bimbingan yang menekankan ciri-ciri hidup berdisiplin, beradat-lembaga dan beragama, akan dapat melengkapkan lagi belia-belai dan generasi-generasi muda kita menghadapi cabaran-cabaran masa depan dan seterusnya untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan bangsa dan negara serta kesucian agama.”
- Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-44 pada 15 Julai 1990.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“DAN bagi tiap-tiap manusia atau jin itu disediakan darjat-darjat (tingkatan balasan sesuai dengan apa) yang mereka telah kerjakan. Dan tuhan mu tidak lalai terhadap apa yang mereka kerjakan.”
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-An'aam ayat 132).

TAHUN 60 / BILANGAN 32

16 MAC 2015 / 1436 جمادى الأول

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Berkenan menganugerahkan anak kunci, lot tanah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah salah seorang rakyat baginda sejour menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres di Bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie serta Geran-Geran Tanah di Bawah Skim Penggeranan Tapak Rumah di Atas Lesen Tumpang Sementara Bagi Daerah Temburong yang diadakan di Dewan Belalong, Dewan Kemasyarakatan. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 3, 4, 5 dan 6).

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,

Haji Ariffin Mohd. Noor, Hamzah Mohiddin,

Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji

Mohd. Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Sabtu, 14 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres di Bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie serta Geran-Geran Tanah di Bawah Skim Penggeranan Tapak Rumah di Atas Lesen Tumpang Sementara Bagi Daerah Temburong yang diadakan di Dewan Belalong, Dewan Kemasyarakatan, di sini.

Majlis penganugerahan tersebut secara langsung mendukung hasrat baginda agar setiap penduduk dan rakyat di negara ini mempunyai kemudahan dan tempat perlindungan.

Terdahulu, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Helipad dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah yang seterusnya menjunjung berangkat ke Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong bagi majlis penganugerahan tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syari'ah Daerah Temburong, Awang Haji Shahrin bin Haji Kadih.

Pegawai Daerah Temburong dalam sembah alu-aluannya berkata, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis tersebut merupakan satu anugerah serta penghormatan yang amat tinggi nilainya dan memberi makna yang amat besar kepada penerima-penerimanya.

Malah kurnia penganugerahan tersebut katanya, mencerminkan kepimpinan yang adil lagi bijaksana, sikap keprihatinan, pemedulian serta rasa kasih sayang Kebawah DYMM kepada rakyat baginda yang bernaung di bumi Brunei Darussalam, bumi yang bertuah lagi berdaulat.

Ke muka 3

Infrastruktur asas, kemudahan awam terus dipertingkatkan



Muka 7

CIPTA buka penyertaan negara ASEAN



Muka 23

BANTU belia ceburi bidang keusahawanan

Laporan : Aimi Sani

Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Bagi Tahun Kewangan 2015/2016, Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah diperuntukkan sejumlah BND296,428,540 dan peruntukan baru ini akan mula berkuat kuasa pada 1 April 2015.

Dalam peruntukan tersebut menurut Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, pertambahan

peruntukan sebanyak BND20 juta kepada BND70 juta telah diberikan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) yang mana ini adalah bagi memastikan usaha-usaha mempertingkatkan infrastruktur asas dan kemudahan awam di negara ini akan diteruskan termasuklah pemeliharaan aset-aset kerajaan dan taraf kemudahan awam seperti jalan raya, pemeliharaan sistem bekalan air dan sebagainya.

Ke muka 24



Lahirkan siswa berfikiran tajam bersandarkan Al-Qur'an, As-Sunnah

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

TERLEBIH dahulu, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang telah mengundang saya menjadi tetamu kehormat di Majlis Pertandingan Debat Pendidikan Islam Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Serantau (PENDEPIS) Sempena Majlis Konvokesyen KUPU SB Kali Ke-4.

Ini berbeza dengan tahun lepas, di mana KUPU SB telah menganjurkan PEDAPIS. Saya difahamkan dua jenis pertandingan ini, iaitu Pertandingan Debat dan Pertandingan Pidato diselenggarakan setiap tahun. Tahniah kepada KUPU SB yang berjaya mengendalikannya. Keprihatinan terhadap program-program seumpama ini adalah sangat dihargai dan pastinya merupakan usaha membina pada menampilkan para siswa-siswi agar mereka berketerampilan serta berani berhadapan dengan orang ramai, berkeupayaan dalam menghuraikan isu-isu keagamaan dan petah dalam menjawab persoalan yang dihadapi oleh masyarakat. Jelasnya, apa yang kita inginkan ialah untuk melahirkan siswa siswi yang berfikiran tajam dan berpandangan jauh serta bernas dalam melontarkan hujah-hujah bersandarkan Al-Qur'an, As-Sunnah, pendapat ulama yang muktabar, logik dan rasional. Mereka yang pintar berdebat dan berpidato akan berpotensi untuk menjadi pemimpin masyarakat dan negara di masa hadapan, kerana salah satu kriteria untuk menjadi pemimpin itu ialah pintar berdebat dan berpidato.

Dari *platform* ini insyaaAllah kita dapat mengasuh, membimbing dan melihat siapakah di antara para siswa-siswi kita yang berbakat itu, sejauh mana keupayaan mereka, dan apakah elemen nilai tambah yang patut diberikan. Di samping itu dengan adanya persaingan ini akan menjadi satu motivasi yang kuat untuk para siswa dan siswi menunjukkan prestasi masing-masing bagi mengharumkan nama diri, nama keluarga, institusi dan negara.

Pertandingan debat yang dianjurkan ini bertemakan Pendidikan Islam. Bila disebut pendidikan Islam tentulah ia sesuatu yang berkait dengan rohani dan jasmani, duniawi dan ukhrawi, membina syakhsiah diri,



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Pertandingan Debat Pendidikan Islam Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Serantau (PENDEPIS) Sempena Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Ke-4 pada 23 Rabiulakhir 1436 Hijrah bersamaan 13 Februari 2015 Masihi, bertempat di Radio Televisyen Brunei.

membangun masyarakat murni yang berakidah, berakhlak dan bertakwa, yang akan melahirkan negara unggul '*Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghafur*' (negara yang baik, aman sejahtera dengan mendapat petunjuk dan keampunan Allah).

Melihat kepada masyarakat kita pada hari ini yang diancam oleh pengaruh negatif dari segi aliran pemikiran, amalan beragama, akhlak dan sopan santun yang nampaknya semakin tercemar, maka saya suka menasihatkan supaya pusat-pusat pengajian tinggi Islam di rantau ini akan bekerjasama dan akan dapat menyediakan kurikulum, kokurikulum, dan strategi serta program yang mantap, juga menyediakan tenaga manusia yang kompeten bagi memperkukuh kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah yang telah terbukti kesahihannya dan kesederhanaannya untuk membentengi para pelajar kita dan umat Islam di rantau ini dari pengaruh negatif tersebut.

Tanpa usaha yang sedemikian itu, saya khuatir sesetengah anggota masyarakat kita akan terdedah kepada kekeliruan dan kesesatan yang boleh menjejaskan perpaduan dan mengeruhkan keharmonian dalam masyarakat dan negara.

Dengan hal ini, penglibatan lepasan graduan KUPU SB dalam menegakkan prinsip *amar ma'ruf nahi mungkar* adalah amat dihargai dan menjadi harapan tinggi masyarakat dan negara, kerana mereka khasnya generasi muda yang menjadi graduan itu merupakan tulang belakang yang bakal berperanan di negara ini pada masa hadapan.

Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Konvokesyen KUPU SB Kali Ke-4 Tahun 2014, antara lain titah baginda:

"... Fungsi terbesar KUPU SB ialah untuk menyebarkan dan mempertahankan ajaran ugama Islam melalui perguruan ugama. Bidang ini dianggap paling penting untuk melahirkan manusia pendidik yang berilmu dan beramal menurut acuan Ahli Sunnah Waljamaah ..."

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, di kesempatan ini saya ingin mengalu-alukan para peserta dari pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negara yang bertanding dan menunjukkan bakat masing-masing. Saya difahamkan sebanyak lapan pasukan mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pasukan yang bertanding. Penyertaan dan kehadiran anda semua, telah menyemarakkan dan memeriahkan lagi pertandingan kali ini. Kepada yang bakal beroleh kemenangan nanti saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah atas kemenangan mereka. Harapan saya agar program pertandingan ini menjadi *platform* untuk menjalin hubungan silaturahmi dan persaudaraan Islam serantau di samping menjana percambahan pemikiran-pemikiran di kalangan para siswa siswi dan para cendekiawan negara dan serantau.

Akhir kata, dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam kepada Junjangan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maka dengan melafazkan kalimah agung Pertandingan Debat Pendidikan Islam anjuran KUPU SB sempena Majlis Konvokesyen KUPU SB Kali Ke-4, dengan ini saya rasmikan.

Dari Sidang
Pengarang.

16 MAC 2015 BERSAMAAN 1436 جمادى الأول 25

PELUANG MASIH TERBUKA

SEKALI gagal tidak bermakna kita akan gagal untuk selamanya dan di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Inilah yang patut dipegang dan diingat selalu bagi mereka yang berkeinginan untuk maju dan melengkapkan dirinya dalam sama-sama menjadi salah seorang generasi yang diharapkan negara, iaitu Generasi Berwawasan dalam menepuhi Wawasan Negara 2035 kelak seterusnya membantu negara terus membangun dan maju selain bergantung kepada minyak dan gas untuk terus bersaing bersama negara-negara yang lain.

Alhamdulillah Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2015 hari keenam bagi sesi petang telah diadakan pada 21 Jamadilawal 1436 bersamaan 12 Mac 2015 (Khamis) lalu di Dewan Persidangan MMN.

Dalam persidangan berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong ada menyatakan bahawa bagi mereka yang tidak mempunyai 'O' Level atau kosong 'O' Level dan hanya mencapai pendidikan setakat Tahun 11, maka mereka ini telah dan boleh memasuki institusi pendidikan teknikal di bawah program 'Industrial Skill Qualification' (ISQ).

Ini membuktikan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan bagi memberikan peluang kepada generasi penerus bangsa pada masa hadapan dengan bekalan ilmu pengetahuan, di samping kemahiran yang perlu dan bersesuaian dalam memastikan Wawasan Negara 2035 tercapai.

Selain itu, keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu juga bagi memastikan generasi berwawasan kita pada masa hadapan bersedia untuk menyahut cabaran yang bakal dilalui oleh mereka dalam meniti kehidupan yang serba mencabar kini. Selain mengharap pekerjaan bersama pihak kerajaan sahaja, ISQ diharap dapat memberikan dan membuka peluang kepada belia beliawanis kita berkhidmat bersama pihak swasta yang sekarang ini memang memerlukan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran dan pastinya berpengetahuan.

"Melalui Program ISQ ini keramaian pelajar-pelajar yang telah pun lulus daripada program ini telah pun diikat dan diberikan 'guaranteed jobs' oleh industri yang mengambil mereka telah pun kita ketahui," jelas Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Manakala bagi pelajar-pelajar yang tidak diterima masuk ke institusi-institusi tinggi dan mempunyai kelulusan lima 'O' Level atau dua 'O' Level masih berpeluang meneruskan pembelajaran mereka melalui pendidikan teknik vokasional yang telah pun dilaksanakan pada tahun 2013. Ia memberi ruang kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan 'O' Level untuk memasuki institusi pendidikan teknikal dengan mengambil Programme High National Diploma.

Peluang bagi belia-beliawanis lepasan sekolah kini terbuka untuk menimba pengetahuan dan kemahiran melalui institusi-institusi pendidikan teknikal dan vokasional yang terdapat di negara ini. Maka peluang bagi menimba ilmu tidak hanya terbuka kepada sebahagian belia-beliawanis sahaja, tetapi kepada semua yang berkeinginan dan berminat untuk menerima ilmu, menambah pengetahuan serta meraih kemahiran dalam mengharungi kehidupan mereka kelak.

Apa yang penting bagi negara adalah mendidik dan memberikan peluang yang berkaitan kepada mereka yang berkeinginan serta mahu untuk maju dalam hidup mereka. Ambillah kesempatan yang diberikan dalam memastikan kejayaan bukan sahaja bagi diri sendiri dan keluarga bahkan juga bagi agama, bangsa dan negara kita.

Peluang telah dibukakan kepada kita, tinggal kita untuk merebutnya, kejayaan nanti bukan untuk kepentingan diri sahaja, tetapi juga untuk agama, bangsa dan negara jua, menuntut ilmu biar hingga ke negeri China, namun jangan lupa di mana bumi kita pijak dan langit kita junjung jua, pegang erat pada ajaran agama, pohon restu dan doa daripada ibu bapa, hormati dan dengari nasihat orang tua, dalam mengharungi segala kesusahan dalam hidup dan ilmu bakal ditimba, agar hidup berkat dan sejahtera hendaknya, dalam negaraku Brunei Darussalam yang aman dan sejahtera selamanya, setentunya dengan rahmat dan lindungan daripada-Nya jua.

- Ketua Penyuntingan (Nb).

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratiini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Mohammad Arif Matali
Hajah Sujimawati Mejeri

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Chafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31°C	24°C	32°C
MUARA		
31°C	24°C	32°C
PEKAN BANGAR		
31°C	24°C	31°C
PEKAN TUTONG		
31°C	24°C	32°C
PEKAN SERIA		
31°C	25°C	32°C
KUALA BELAIT		
31°C	25°C	32°C

Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERHUNGAN
Telefon: 2330142, faksimili 1888/1551 atau Talian Cuaca 114

Berkenan menganugerahkan anak kunci, lot tanah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres di Bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie serta Geran-Geran di Bawah Skim Penggeranan Tapak Rumah di Atas Lesen Tumpang Sementara (LTS) Bagi Daerah Temburong yang diadakan di Dewan Belalong, Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Dari muka 1

Kebawah DYMM kemudiannya berkenan menganugerahkan anak-anak kunci kepada seramai 175 orang penerima di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, di mana 10 peserta menerima rumah jenis *basic*, 20 peserta menerima rumah jenis *standard*, 20 penerima rumah jenis *deluxe* dan 125 peserta menerima rumah jenis teres dan 39 orang penerima di bawah Skim Penggeranan Tapak Rumah di Atas Lesen Tumpang Sementara Daerah Temburong yang membawa kepada 214 orang penerima keseluruhan.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syari'ah Daerah Temburong.

Sejurus menyempurnakan majlis penganugerahan tersebut, baginda berkenan dijunjung berangkat melawat di kedua-dua buah institusi pendidikan di daerah ini iaitu Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, diikuti ke Sekolah Persediaan Arab Temburong.

Selesai membuat lawatan ke institusi-institusi pendidikan, baginda berkenan berangkat ke rumah beberapa peserta yang menerima geran tanah di bawah Skim Penggeranan Tapak Rumah di Atas Lesen Tumpang Sementara di Mukim Bangar sebelum berangkat ke rumah Ketua Kampung Belingos, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Baginda kemudiannya dijunjung berangkat melawat ke Pameran Satu Kampung Satu Produk (IK1P) di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, RPN Kampung Rataie sebelum dijunjung berangkat melawat ke rumah peserta-peserta yang menerima anak-anak kunci rumah dan rumah teres bagi RPN Kampung Rataie.

Sebelum berangkat meninggalkan Daerah Temburong, Kebawah DYMM berkenan berangkat ke Majlis Santap di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Pelaksanaan penyediaan perumahan di bawah RPN melalui Skim Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dari 1970 hingga 2013, RPN pada peringkat nasional telah menyediakan lebih 27 ribu buah rumah dengan sejumlah besar di Daerah Brunei dan Muara iaitu sebanyak 18, 339 buah rumah,



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan anak kunci kepada penerima di bawah RPN Kampung Rataie dan Skim Penggeranan Tapak Rumah di Atas LTS Daerah Temburong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke rumah calon Penggeranan LTS, Ampuan Noriah binti Ampuan Ahmad (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan berangkat ke rumah Ketua Kampung Belingos, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.



6,585 buah di Daerah Belait, 2,210 buah rumah di Daerah Tutong dan sebanyak 403 buah rumah di Daerah Temburong.

Menurut perangkaan Jabatan Kemajuan Perumahan, daripada jumlah tersebut 22, 582 unit rumah telah diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang berkelayakan termasuk 402 orang pemohon Daerah Temburong.

KEBAWAH DYMM berkenan berangkat ke Majlis Santap di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar (kanan).



Tinjau dua institusi pendidikan Daerah Temburong



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Hassan (SMSh) Bangar yang hadir mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim,

Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor,

Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,

Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,

Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Sabtu, 14 Mac. - Dua buah institusi pendidikan di daerah ini melakar sejarah buat ristaan masing-masing setelah menerima keberangkatan lawatan daripada pemimpin negara yang begitu menitikberatkan pendidikan dalam kalangan rakyat dan penduduknya.

Keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSh) Bangar dan Sekolah Persediaan Arab Temburong (SPAT) itu dibuat sejurus selepas baginda menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres di Bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie serta Geran-Geran Tanah di Bawah Skim Penggeranan Tapak Rumah Di Atas Lesen Tumpang Sementara Bagi Daerah Temburong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berinteraksi bersama seorang penuntut dari SMSh Bangar (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan berangkat dan melawat ke salah sebuah kelas sekolah berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan satu latihan aktiviti sekolah dari SMSh Bangar.

Mula-mula Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat melawat SMSh yang terletak di Pekan Bangar, satu-satunya institusi pendidikan menengah di daerah ini.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dijunjung oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman dan Pengetua SMSh, Awang Yusof bin Haji Mohamad.

Ketika berada di sekolah tersebut, baginda berkenan melihat dengan

lebih dekat lagi aktiviti pembelajaran di bilik-bilik darjah yang dijalankan oleh penuntut-penuntut dalam kelab tenaga, makmal sains, bilik ibadat dan bilik ICT.

Tidak ketinggalan dilawati oleh baginda ialah aktiviti yang diikuti oleh para penuntut dalam bilik lukisan dan kraf tangan (Art & Craft), yang mana baginda telah berkenan menerima pesambah yang disampaikan oleh salah seorang penuntut, Dayang Azyan Atiqah binti Sufian bagi mewakili

penuntut-penuntut kelas berkenaan.

Semasa lawatan itu juga baginda dipersembahkan dengan demonstrasi seni mempertahankan diri iaitu seni silat dan karatedo serta permainan tradisi dan masakan makanan sihat oleh penuntut-penuntut SMSh.

Baginda juga berkenan bagi sesi bergambar ramai bersama tenaga pengajar SMSh sebagai tanda kenang-kenangan keberangkatan baginda ke sekolah berkenaan.

Institusi pendidikan menengah yang pertama di daerah ini dengan matlamat untuk mengembangkan keupayaan maksima pembelajaran penuntut bagi melahirkan warganegara yang produktif itu ketika ini mempunyai 856 penuntut, di mana 464 penuntut lelaki dan 392 penuntut perempuan dengan seramai 97 tenaga pengajar.

Baginda kemudian meneruskan lawatan ke SPAT, Pekan Bangar, yang mana keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof dan Guru Besar SPAT, Awang Morsidi bin Haji Awang Tuah.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berbual mesra bersama pelajar lelaki Sekolah Persediaan Arab Temburong (SPAT).



PARA pelajar perempuan SPAT gembira kerana berpeluang bersua muka bersama raja yang disayangi rakyat.



BAGINDA berkenan bergambar kenangan bersama para pelajar SPAT (kiri), sementara gambar tengah dan kanan, baginda berkenan beramah mesra bersama pelajar lelaki dan perempuan SPAT.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke rumah Ketua Kampung Menengah, Mejar (B) Ampuan Hussain bin Ampuan Mattahir.

Dari muka 4

Semasa lawatan julung-julung kalinya ke sekolah berkenaan, baginda berkenan menyaksikan sesi pembelajaran di bilik-bilik darjah di SPAT iaitu Bilik Serbaguna (Tahun 6 Al Fusaha), Bilik Perpustakaan (Tahun 8 An Nusyata), Tahun 7 Al Azkia, Tahun 8 Al Ulama dan berkesempatan beramah mesra bersama para pelajar di sekolah tersebut.

Sebelum berangkat meninggalkan SPAT, baginda berkenan bagi sesi bergambar ramai bersama tenaga pengajar SPAT dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Temburong (SUPMMBT).

Sejak penubuhannya pada tahun 1997 Masihi, SPAT ditempatkan dalam bangunan SUPMMBT dengan prinsip 'Ke Arah Kemuliaan dan Ketinggian' dan mempunyai matlamat membentuk individu Muslim yang beriman, berilmu dan beramal berlandaskan ajaran-ajaran Islam.

Penubuhan sekolah ini adalah untuk mencapai matlamat meningkatkan kualiti pendidikan ugama di daerah ini dan juga untuk merealisasikan wawasan Jabatan Pengajian Islam untuk menubuhkan sekolah Arab di setiap daerah di Negara Brunei Darussalam.

Sekolah ini menempatkan 105 penuntut dari

Tahun 5 hingga Tahun 8.

Lawatan membuktikan keprihatinan baginda terhadap perkembangan dan kemajuan pendidikan di negara ini termasuklah di Daerah Temburong, di mana pendidikan merupakan salah satu bidang utama dalam Wawasan Brunei 2035 yang memberi penekanan terhadap rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.



KEBAWAH DYMM berkenan menandatangani potret wajah baginda semasa berangkat ke rumah calon Penggeran LTS, Ampuan Noriah binti Ampuan Ahmad.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke rumah Ketua Kampung Menengah, Mejar (B) Ampuan Hussain dan seterusnya menyaksikan pameran.



BAGINDA berkenan bergambar ramai bersama ahli Majlis Perundangan Kampung Belingos iaitu etika baginda berkenan berangkat ke rumah Ketua Kampung, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.



BAGINDA berkenan bergambar kenangan bersama para penerima kunci rumah dan keluarga, Dayang Ramlah binti Karim (kiri) dan Awang Abdul Rahim bin Haji Damit (tengah) serta Dayang Norlia binti Abu Bakar (kanan).



BAGINDA berkenan melawat dan beramah mesra bersama penerima kunci rumah, Awang Gani anak Muti (kiri), sementara gambar tengah, baginda berkenan berkunjung ke rumah peserta warga emas yang turut menjunjung, manakala gambar kanan, baginda berangkat ke kediaman Awang Mahdini bin Kamis.

Pameran 1K1P tarik perhatian Kebawah DYMM

TEMBURONG, Sabtu, 14 Mac. - Produk-produk yang dihasilkan melalui projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P) diharap akan dapat meningkatkan sosioekonomi masyarakat kampung dan seterusnya membudayakan sikap 'bantu diri dan sara diri' demi mengurangkan kebergantungan kepada pihak lain khususnya kerajaan sematamata.

Beberapa produk tersebut telah dipamerkan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, terletak di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, Mukim Bokok semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam.

Antara produk-produk yang dipamerkan termasuklah produk manik dan tenunan kraf tangan, biskut, ambulong, mi kering Senukoh, kerepek keladi, wajid keladi dan beberapa produk lain oleh beberapa buah majlis perundingan kampung yang bergiat aktif di daerah ini.

Semasa keberangkatan bagi menyaksikan pameran 1K1P itu, baginda juga berkenan menerima pesambah daripada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di daerah ini sebelum berkenan bagi sesi bergambar ramai.

Keberangkatan baginda itu dibuat sejurus selepas menyempurnakan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres di Bawah RPN Kampung Rataie serta Geran-Geran Tanah di bawah Skim Penggeranan Tapak Rumah di Atas Lesen Tumpang Sementara Bagi Daerah Temburong.

Dengan adanya penghasilan produk-produk oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung itu diharap akan dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan, kemajuan kecemerlangan masyarakat mukim dan kampung.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim, Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Hamzah Mohiddin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat pameran dan penjualan Satu Kampung Satu Produk dari salah sebuah Mukim di Dewan Rataie.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Dewan Rataie.

Penerima anak kunci rumah lahirkan menjunjung kasih

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

TEMBURONG, Sabtu, 14 Mac. - Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres di Bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie serta Geran-Geran Tanah di Bawah Skim Penggeranan Tapak Rumah di Atas Lesen Tumpang Sementara Bagi Daerah Temburong mencerminkan keprihatinan dan pemeduliaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan penduduk negara ini yang secara langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda khususnya dalam menyediakan perumahan yang berkonsepkan daya tahan dan mapan, selaras dengan salah satu objektif Rancangan Kemajuan Negara untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Justeru, dengan majlis penganugerahan tersebut, merupakan detik yang sangat ditunggu-tunggu oleh

para penerima sejak sekian lama mengimpikannya untuk memiliki rumah kediaman.

Bersempena dengan majlis tersebut, para penerima rata-rata melahirkan perasaan syukur dan gembira serta



DAYANGKU Mashadilina binti Pengiran Momin.

menjunjung kasih di atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menunaikan impian mereka itu.

Menurut Dayangku Mas Hadilina binti Pengiran Momin yang merupakan penerima rumah teres Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie melahirkan perasaan gembira dan syukur kerana penantian selama 18 tahun berakhir dengan



AWANG Yussof bin Haji Jeruddin.

kegembiraan.

Beliau yang sebelumnya tinggal di barek Jabatan Daerah Temburong tinggal bersama suami dan dua orang anaknya.

"Alhamdulillah, syukur, senang rasanya mempunyai rumah sendiri daripada di barek dan dengan adanya rumah baharu ini rasanya kami lebih berdikari," ujarnya.

Untuk itu, beliau melahirkan



DAYANG Simau anak Inin.

perasaan junjung kasih yang setingginya atas penganugerahan rumah teres tersebut yang secara langsung memenuhi keperluan mereka.

Manakala bagi penerima yang sama Awang Yussof bin Haji Jeruddin yang berusia 49 tahun, bertugas sebagai anggota bomba berasa terharu dan sangat beruntung atas penganugerahan tersebut.

Katanya, dengan penganugerahan itu secara langsung meringankan beban beliau terutama apabila memikirkan tamat perkhidmatan (pencen) khususnya dalam kadar pembayaran rumah yang akan dilunasi.

Sementara bagi Dayang Simau anak Inin, penganugerahan ini amat bererti dalam hidupnya dan baginya tidak lagi akan tertumpang-tumpang di rumah orang tuanya selepas sekian lama apatah lagi mempunyai empat orang anak dan dua orang cucu.

Beliau yang merupakan ibu tunggal turut melahirkan rasa menjunjung kasih di atas penganugerahan tersebut yang secara langsung menggambarkan baginda itu seorang pemimpin yang prihatin tentang kebajikan rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

CIPTA buka penyertaan negara ASEAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pro Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB) berkenan mengurniakan sabda perasmian Bulan Inovasi ITB sempena 10 Tahun Penubuhan Pertandingan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Sabtu, 14 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pro Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB) berkenan berangkat ke Majlis Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015 di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, selaku Penaung Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang; Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, selaku Pengerusi Majlis dan Pengarah Urusan Brunei LNG Sendirian Berhad, Awang Mohamad

bin Haji Awang Damit.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin.

Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah, selaku Pengerusi Majlis pada sembah alu-aluan menjelaskan, pada tahun ini buat pertama kalinya pertandingan telah dibukakan kepada negara-negara ASEAN, yang mana dua kategori telah diperkenalkan, iaitu 'New Invention and Innovation' dan 'Young Inventor'.

Pertandingan kali ini juga menyaksikan satu kategori baru, iaitu 'Smart Junior' yang telah diperkenalkan kepada penuntut-penuntut sekolah menengah Tahun 7 hingga 9.

"ITB akan sama-sama berusaha dengan agensi-agensi yang berkenaan untuk terus memainkan peranan yang berterusan di dalam menjana bakat reka cipta dan inovasi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM, Pro Canselor ITB berkenan berangkat ke Majlis Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015.

dalam kalangan masyarakat tempatan," jelasnya.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan mengurniakan sabda perasmian Bulan Inovasi ITB sempena 10 Tahun Penubuhan Pertandingan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota.

DYTM kemudian berkenan menyaksikan tayangan multimedia mengenai perkembangan projek-projek CIPTA bermula tahun 2005 hingga 2015.

Presiden Yayasan Sains dan Teknologi dan Ketamadunan United Kingdom, Profesor Dr. Salim Al-Hassani selaku Ketua Panel Hakim CIPTA 2015 dalam sembah ulasan penghakiman menjelaskan, sebahagian daripada produk yang dipertandingkan bertaraf inovasi kelas dunia.

DYTM kemudian berkenan menyempurnakan penyampaian Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015 kepada para pemenang bagi lima kategori.

Tidak ada pemenang pertama dan kedua bagi Kategori Penciptaan Produk, Proses atau Teknologi Baru.

Bagaimanapun tempat ketiga disandang bersama Projek SMail dari ITB yang diketuai oleh Awang Mohammad Adi Mukmin bin Sarbini dan Projek GZUP Dual Way Steering Box System for Vehicle ciptaan Awang Haji Zupri bin Haji Kamis.

Kedua-dua pemenang menerima hadiah wang tunai BND4,000 berserta sijil dan piala.

Tempat pertama bagi Kategori Pengubahsuaian Produk, Proses atau Teknologi Sedia Ada dimenangi oleh Projek Smart Shower 2.0 dari ITB diketuai oleh Matius anak Belayan dan menerima hadiah wang tunai BND8,000 sijil berserta piala.

Project School Goes Mobile dan Projek Kalakati Small Electric Vehicle masing-masing memenangi tempat kedua dan ketiga serta menerima hadiah wang tunai BND6,000 dan BND4,000 berserta sijil dan piala.

Sementara bagi Kategori Penciptaan Produk, Proses atau Teknologi Baru atau Pengubahsuaian Produk, Proses atau Teknologi Yang Sedia Ada bagi pencipta-pencipta muda tidak ada pemenang tempat pertama.

Projek Techno Headphone Station TH-01 dan SMB Compact Active Body (CAB) Cooling Suit masing-masing memenangi tempat kedua dan ketiga dan menerima hadiah wang tunai BND3,000 dan BND2,000 berserta sijil dan piala.

Bagi Kategori 'Smart Junior' yang



DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah kepada pemenang yang menyertai Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015.

baru diperkenalkan juga tidak ada pemenang tempat pertama.

Projek Covel dan Astyclip masing-masing memenangi tempat kedua dan ketiga dan menerima hadiah wang tunai BND800 dan BND500 berserta sijil dan piala.

Sementara Kategori ASEAN Pertandingan CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015 yang juga baru diperkenalkan dimenangi oleh Projek Green Tea Nanocarriers to Fight Cancer dari Institute of Bioengineering and Nanotechnology Singapore yang diketuai oleh Dr. Joo Eun Chung dan menerima wang tunai BND8,000 berserta sijil dan piala.

DYTM juga berkenaan menyampaikan Anugerah Honorable Mansion kepada Projek Extraction of Vitamin E using Palm Fatty Acid Distillate dari Curtin University Malaysia yang diketuai oleh How Teck Kien.

Projek ini diberikan pengiktirafan khas atas usaha-usaha mereka serta bagi mendorong ke arah mengembangkannya lagi produk mereka.

DYTM seterusnya berkenaan menyempurnakan penyampaian Anugerah Khas CIPTA Pengiran Muda Mahkota yang julung-julung kali diberikan kepada juara keseluruhan yang dimenangi oleh Projek Green Tea Nanocarriers to Fight Cancer dari Institute of Bioengineering and Nanotechnology Singapore dengan menerima wang tunai BND10,000 berserta piala rebutan.

DYTM kemudian berkenan menerima pesambah daripada Jawatankuasa Penganjur CIPTA 2015.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan sekali lagi oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Pertandingan CIPTA dianjurkan dua tahun sekali sejak dilancarkan pada tahun 2005.

Selepas berkenan menyempurnakan Majlis Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015, DYTM berkenan berangkat menyaksikan pameran.

Pertandingan dianjurkan oleh ITB dengan kerjasama tajaan Brunei LNG Sendirian Berhad bagi melahirkan generasi yang lebih berinisiatif dan kreatif.

Pertandingan CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015 memfokuskan tema 'Ke Arah Negara Pintar' disertai oleh 45 buah projek.

Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota adalah satu inisiatif yang perlu diberi keutamaan memandangkan ia bertepatan dengan aspirasi negara dalam usaha melahirkan para pencipta yang kreatif dan inovatif dalam inovasi sains dan teknologi terutamanya dalam kalangan belia dan pelajar tempatan.

Ia juga dapat menjadi wasitah yang akan terus memberi ruang dan peluang yang seluas-luasnya kepada orang ramai dan pelajar-pelajar maktab, sekolah, teknikal dan vokasional yang mempunyai minat dan daya kreativiti tinggi untuk mencipta rekaan-rekaan yang berprestij dan berfaedah bagi kesejahteraan hiasan hidup manusia sejagat.



DYTM semasa berkenan berangkat melawat pameran CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015.

Transformasi pendidikan di bawah IBTE giat dilaksanakan



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, usaha transformasi pendidikan teknik dan vokasional di bawah Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) kini sedang giat berjalan.

Menurut Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan satu perintah yang dipanggil Perintah Institut Pendidikan Teknikal Brunei 2014 yang menjadi perintis kepada perkembangan dan transformasi pendidikan teknikal dan vokasional di negara ini.

Di bawah agenda transformasi ini, jelas Yang Berhormat, ia memfokus kepada modaliti kerjasama rapat antara pendidikan teknik dan vokasional, agensi kerajaan dan industri.

“Program-program yang dikemaskinikan mengikut kehendak atau *demand driven*, dan piawaian industri untuk melahirkan tenaga kerja yang mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf oleh industri. Sehubungan dengan itu, pelbagai program baharu yang mematuhi Energy Industry Competency Framework (EICF) telah ditawarkan sejak Julai 2013 Masihi dengan kerjasama Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri,” ujar Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Dewan Majlis MMN.

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Sejak ia diperkenalkan pada bulan Julai 2013 sehingga Disember 2014 Masihi, ujar Yang Berhormat, secara keseluruhannya, jumlah pelajar yang memasuki program-program yang EICF compliant dan di Brunei Maritime Academy (BMA) adalah seramai 1,255 orang dan satu lagi inisiatif ialah apabila Politeknik Brunei ditubuhkan pada Januari 2012 Masihi yang telah melahirkan graduan pertamanya awal tahun ini.

Menurut Yang Berhormat, penubuhan Politeknik Brunei dihasratkan untuk memberikan peluang dan laluan kepada pelajar-pelajar pasca menengah dan lepasan institusi teknikal untuk meneruskan pengajian dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang teknikal dan vokasional.

Yang Berhormat menambah, program-program yang ditawarkan di Politeknik Brunei adalah responsif kepada kehendak ekonomi negara dan berbentuk *demand driven*,

dengan itu Politeknik Brunei bekerja rapat dengan pihak industri dalam melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan kompeten.

“Sehubungan dengan itu, atas titah perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebuah bangunan sekolah yang pada mulanya dibina sebagai sekolah menengah di Lumut, Kuala Belait kini akan digunakan sebagai kampus Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Politeknik Brunei. Keputusan ini dibuat setelah Kementerian Pendidikan mengambil kira faktor unjuran demografi di kawasan berkenaan, prioriti kementerian berimpak tinggi dan juga pandangan *stakeholders*. Kedudukan bangunan ini yang berhampiran dengan industri minyak dan gas akan memudahkan interaksi dan logistik pembelajaran antara Politeknik Brunei dan pihak industri,” terangnya.

Pertambahan prasarana Politeknik Brunei ini, jelas Yang Berhormat,



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

akan menampung keperluan tambahan bilangan pelajar jurusan sains dan kejuruteraan, yang dijangka akan meningkat dengan pengambilan alih program-program kejuruteraan di Peringkat Diploma yang ditawarkan di Institut Teknologi Brunei (ITB) pada bulan Julai tahun ini dan pada peringkat awal peralihan ini, kemudahan-kemudahan makmal di ITB juga akan masih digunakan.

Lesen 16, 17 inisiatif dapatkan tawaran kerja kerajaan

Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 11 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) memberikan galakan kepada setiap Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) untuk memiliki Lesen Pendaftaran 16 & 17 sebagai inisiatif untuk menyertai perusahaan atau kegiatan-kegiatan dalam mendapatkan pelbagai *tender* atau tawaran kerajaan.

Bagaimanapun, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan ia tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kewangan dan syarat-syarat *tender* yang akan dikenakan.

Demikian terang Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menjawab pertanyaan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai peluang atau keistimewaan MPMK mendapatkan pelbagai tawaran dalam pelbagai kerja seperti pemotongan rumput dan pembersihan jalan-jalan kecil di kampung yang dapat memberikan ruang pekerjaan kepada penduduk



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

kampung yang tidak bekerja.

Dengan memiliki lesen berkenaan, jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, setiap majlis-majlis perundingan yang dianggotai oleh anak-anak buah kampung dapat melaksanakan pelbagai kontrak bagi membersihkan kawasan masing-masing dalam sama-sama bertanggungjawab menjaga persekitaran kampung, di samping mendapat keuntungan.

Menyentuh mengenai peruntukan bagi menghantar ahli MPMK bagi mengikuti kursus penghasilan produk yang sudah dikenal pasti di luar negara yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli, Yang Berhormat Pehin menjelaskan sejauh ini belum terdapat peruntukan seumpamanya.

Bagaimanapun Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengharapkan jika ada peluang atau kesempatan mengikuti ekspo di luar negara atau lawatan sambil belajar di bawah Pejabat-pejabat Daerah, KHEDN, Ahli-ahli MPMK setentunya akan dapat mengetengahkan barang buatan Brunei jika ia diluluskan di bawah perbelanjaan kerajaan.

Menjadi rakyat Brunei: Perlu mematuhi syarat di bawah undang-undang

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Akta Taraf Kebangsaan sudah ada pada tahun 1961 yang mana menetapkan rakyat jati terdiri daripada tujuh puak, manakala rakyat-rakyat yang lain boleh menjadi rakyat apabila memenuhi syarat-syarat menjadi rakyat, iaitu antaranya lama tinggal di negara ini dan lulus bahasa.

Demikian dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa menjawab persoalan yang disuarakan oleh

Darussalam Merdeka,” ujar Yang Berhormat.

Menurut, Yang Berhormat Pehin, dalam *Exchange of Notes* itu, telah dijelaskan mereka boleh menjadi rakyat dan boleh tinggal di Brunei, boleh menjadi rakyat apabila memenuhi syarat-syarat di bawah undang-undang yang ada, jadi kemerdekaan tidak mengubah Akta Taraf Kebangsaan, mengekalkannya kerana itu sangat utama kepada Negara Brunei Darussalam.

“Kesimpulannya, untuk mengatakan bahawa Akta Taraf Kebangsaan Tahun 1961 itu seolah-olah menyekat untuk memasukkan ataupun menjadikan orang-orang yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam sehingga umur 60 tahun supaya mereka itu dijadikan rakyat berdasarkan kelahiran dengan umur 60 tahun, untuk kepentingan Negara Brunei Darussalam dalam jangka panjang maka Akta Taraf Kebangsaan tersebut tidaklah perlu dipinda atau diubah,” terang Yang Berhormat.

“KESIMPULANNYA, untuk mengatakan bahawa Akta Taraf Kebangsaan Tahun 1961 itu seolah-olah menyekat untuk memasukkan ataupun menjadikan orang-orang yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam sehingga umur 60 tahun supaya mereka itu dijadikan rakyat berdasarkan kelahiran dengan umur 60 tahun, untuk kepentingan Negara Brunei Darussalam dalam jangka panjang maka Akta Taraf Kebangsaan tersebut tidaklah perlu dipinda atau diubah.”



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Laksanakan perbelanjaan secara strategik, holistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menitikberatkan perbelanjaan berhemah dan *value for money* dalam peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara, adalah penting bagi Kementerian Pendidikan untuk memastikan segala perancangan dan strategi yang dilaksanakan akan membawa ke destinasi Wawasan Negara 2035.

Untuk itu, jelas Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Kementerian Pendidikan kini mengambil langkah melaksanakan perbelanjaan secara strategik dan holistik dengan memahami dan menilai hasil atau *outcome* yang akan dapat dihasilkan oleh projek-projek yang sedang dan bakal dilaksanakan agar ianya membuahkan limpahan dan kesan berganda (*multiplier effect*)



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

ke atas ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

“Apa jua inisiatif, program dan projek yang Kementerian Pendidikan rancangankan berasaskan keutamaan, keberhasilan dan impak. Ia dilaksanakan dengan pelan implementasi dan pemantauan yang

**Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

jelas sambil diiringi dengan penunjuk prestasi utama (Key Performance Indicators) yang telus agar impaknya akan dapat dipastikan selaras dengan hasrat Wawasan Negara Brunei 2035,” jelas Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN di Dewan Majlis, di sini.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan pada Mei 2014 Masihi, jelas Yang Berhormat, telah menubuhkan sebuah unit baharu yang dikenali sebagai Strategic Enterprise, Performance and Delivery Unit (SEPaDU).

Jelas Yang Berhormat, ia adalah untuk memastikan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan teratur dan insyaaAllah, SEPaDU juga menentukan Kementerian Pendidikan sentiasa dalam trajektori yang dirancang untuk menuju

destinasi 2035.

Berdasarkan pengalaman Kementerian Pendidikan, pelaksanaan apa jua inisiatif dan projek itu sudah setentunya akan membawa hasil dan cabaran yang dijangka dan tidak dijangka.

“Adalah penting bagi setiap cabaran itu dilihat secara positif dengan menukarnya menjadi satu peluang atau *opportunity*. Dalam pada itu, *mindset* positif dan keusahawanan adalah amat mustahak. Namun ini permulaan sahaja. Kesinambungan bagi mereka yang mempunyai minda ini adalah perlu untuk memastikan mereka akan disediakan landasan atau *platform* untuk terus berkembang,” tegas Yang Berhormat.

Walaupun 1,222 orang pelajar telah terlibat dalam Agenda Keusahawanan Kebangsaan (NEA), jelas Yang Berhormat lagi,



persoalan besar ialah apakah kesinambungannya? Adakah akses kepada pasaran, persekitaran perniagaan dan sumber, dan rangkaian serta pementoran keusahawanan sudah tersedia? Ini bermakna, pendidikan cuma satu ekosistem yang besar yang memerlukan peranan lebih dari satu pihak untuk mencapai apa jua kejayaan yang diharapkan.

Oleh itu Yang Berhormat berharap untuk bersama-sama menggembelng tenaga dan berganding bahu dalam merealisasikan harapan kita untuk melahirkan sistem pendidikan yang cemerlang dalam melahirkan modal insan berkualiti yang mempunyai nilai-nilai tinggi Melayu Islam Beraja (MIB).

Dasar Buruh Baharu: Kuota tidak dipakai dibatalkan

**Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Membatalkan semua kuota yang tidak digunakan (*unused quota*) merupakan perkara utama dalam pelaksanaan Peraturan atau Dasar Buruh baharu mengenai kuota pekerja atau buruh yang telah diumumkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan, terdapat sebanyak 71,000 kuota yang tidak digunakan.

Bagaimanapun, syarikat-syarikat yang memerlukan untuk mendatangkan pekerja di bawah kuota yang tidak terpakai ini, tambah Yang Berhormat hendaklah membuat rayuan untuk dipertimbangkan.

Demikian dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Yang

Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang membangkitkan persoalan sejauh mana pengambilan pekerja tersebut dilaksanakan.

“Jumlah syarikat yang datang dan dipotong kuotanya adalah sebanyak 1,487 buah syarikat. Sementara jumlah kuota daripada 1,487 syarikat ini, untuk mendatangkan menggunakan *unused quota* itu tidak diluluskan sebanyak 7,879,” terangnya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Dewan Majlis,

Bangunan MMN.

Menyentuh mengenai langkah-langkah yang sudah diambil oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk merealisasikan peraturan tersebut kepada pengusaha-pengusaha terlibat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan bahawa luar bandar dan pedalaman tidak lagi dibenarkan mendatangkan pekerja-pekerja asing atau *work permit* tidak lagi dikeluarkan untuk perniagaan di luar daerah.

“Kalau ada keperluan berbisnes biarlah orang-orang kitani di sana, benar-benar pemegang lesen yang melaksanakan dan menjalankannya,” tambahnya.

Menurut Yang Berhormat peraturan tersebut juga dikenakan

kepada pengusaha-pengusaha yang baharu.

“Mereka akan dimaklumkan dalam tempoh tiga tahun, merancang bagi jawatan-jawatan dalam syarikatnya diisi oleh anak tempatan,” ujarnya lagi.

Menyentuh mengenai cadangan untuk menubuhkan satu Unit Latihan di Jabatan Buruh atau pihak swasta bagi menarik minat anak-anak tempatan menceburi bidang pengurusan rumah tangga atau Pembantu Rumah Tangga yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyambut baik cadangan proaktif tersebut dan berharap pihak swasta tampil mengadakan pusat latihan sedemikian.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

'Building and Construction' sebagai kluster penyelidikan akan dipertimbangkan

**Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.



YANG Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Pelbagai kelompok Kluster Penyelidikan atau Research Cluster telah dibentuk di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini. Ia merangkumi beberapa bidang teras atau utama seperti Biodiversiti, Tenaga, Agroteknologi dan Keselamatan Makanan (Food Security and Agrotechnology), Pengajian Asia, Perbankan dan Kewangan Islam, Minyak dan Gas, Teknologi Hijau serta Penyelidikan Mushaf Shafie dan sebagainya.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman percaya kelompok pendidikan untuk menjadikan pelajar-pelajar di Institut Pendidikan Teknikal Brunei bagi

membolehkan graduan institusi itu *employable* di industri tempatan dan malah di luar negeri. Dari itu, Yang Berhormat bertanya mengapa bidang ‘Building and Construction’ tidak termasuk dalam kelompok berkenaan.

Memandangkan negara mengeluarkan perbelanjaan berbilion-bilion ringgit bagi pembangunan negara, kebanyakan tenaga kerja dalam kontraktor -kontraktor tempatan yang sudah bertapak di negara ini adalah dari kalangan tenaga kerja luar negara yang berkemungkinan atau berkaitan dengan kemahiran yang masih kurang dalam kalangan tenaga kerja tempatan, maka adalah disarankan agar bidang ‘Building and Construction’ dapat dirangkumkan ke dalam bidang teras atau utama kluster penyelidikan Institut Pendidikan

Teknikal, menurut Yang Berhormat lagi pada hari keenam sesi petang Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN 2015 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN.

Menjawab saranan Yang Berhormat berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong memahami bahawa penyelidikan tersebut lebih relevan untuk dilaksanakan di peringkat universiti.

Maka cadangan berkenaan mungkin dapat disalurkan atau dikemukakan nanti kepada Institut Teknologi Brunei (ITB), iaitu sebuah institusi yang memfokus kepada bidang kejuruteraan (*engineering*) dan berharap akan meneroka kemungkinan yang bidang ‘Building and Construction’ dapat dijadikan sebagai satu dari kluster penyelidikan di pusat pengajian tinggi, tambah Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

BRC boleh menarik lebih banyak pelaburan langsung asing

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Penyelidikan merupakan satu *domain* yang penting yang menjadikannya keutamaan strategik (*strategic priority*).

Penyelidikan yang dibuat bukan sahaja dihasratkan akan dapat memberikan impak kepada pengembangan pengetahuan dan pemikiran akademik termasuk pelajar, malahan ia juga memberikan impak kepada ekonomi negara melalui inovasi.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan demikian pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Dewan Majlis, MMN, di sini.

Sehubungan dengan itu, jelas Yang Berhormat, pelbagai kelompok penyelidikan (*research clusters*) telah dibentuk di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini yang merangkumi beberapa bidang teras seperti Biodiversiti, Tenaga, Agroteknologi dan Keselamatan Makanan (Food Security and Agrotechnology), Pengajian Asia, Perbankan dan Kewangan Islam, Minyak dan Gas, Teknologi Hijau dan Penyelidikan Mazhab Shafiee.

Yang Berhormat menjelaskan, secara keseluruhan, sebanyak 11 pusat penyelidikan telah ditubuhkan di semua institusi pengajian tinggi di negara ini dan kesemua pusat ini mempunyai kolaborasi antarabangsa dan sering kali menerima kunjungan para ahli akademik unggul.

"Pusat-pusat ini diharapkan akan mencapai status pusat kecemerlangan penyelidikan di peringkat antarabangsa yang

menjadi sumber rujukan yang berkualiti tinggi serta menjadi pemangkin dalam menghasilkan inovasi ilmu. Contoh hasil penyelidikan setakat ini ialah pemfailan 32 paten oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD) di negara ini, Singapura, Malaysia dan Amerika Syarikat," ujar Yang Berhormat.

Sebagai langkah ke hadapan, menurut Yang Berhormat, kita akan berusaha dalam mengkomersialkan paten yang dihasilkan.

Di bawah geran penyelidikan melalui Majlis Penyelidikan Brunei (Brunei Research Council - BRC), jelas Yang Berhormat lagi, UBD telah menerima sejumlah BND92 juta untuk menyokong 38 projek penyelidikan dan daripada jumlah ini, 10 telah siap dan 21 sedang giat dijalankan.

Melalui geran penyelidikan ini, tambah Yang Berhormat lagi, pelbagai hasil dan manfaat telah diperolehi seperti pembangunan kapasiti kepakaran tenaga tempatan dan infrastruktur, penjaan profil penyelidikan antarabangsa bagi Brunei Darussalam dan pengajian tinggi khususnya, pemfailan paten dan penciptaan peluang *commercialisation*, faedah sosial dan alam sekitar kepada masyarakat, dan penerbitan kertas saintifik dan persidangan antarabangsa.

"Seperti yang telah dinyatakan, salah satu manfaat besar hasil geran melalui BRC ini ialah pembangunan kapasiti tenaga tempatan bagi keperluan kaedah penyelidikan dan teknik yang saintifik. Penglibatan dalam projek ini termasuklah dari luar UBD seperti para guru sekolah menengah, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Meteorologi, Jabatan Saliran dan

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Pembentukan, Berakas, Power Management Company dan sebagainya. Selain itu, pihak UBD telah dapat membuat kerjasama penyelidikan bersama institusi-institusi penyelidikan bertaraf dunia dan syarikat-syarikat antarabangsa yang ternama seperti IBM, Pixela dan Sengenics," ujar Yang Berhormat.

Bagi tujuan tersebut Yang Berhormat berharap agar inisiatif ini akan dapat menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment) pada masa yang akan datang.

Menyentuh mengenai peningkatan profil di arena antarabangsa, jelas Yang Berhormat, UBD pada tahun 2014 Masihi telah berjaya mendapat kedudukan dalam sistem *ranking* dunia, iaitu QS Asia, dengan mencapai kedudukan universiti ke 171-180 di Asia.

"UBD juga telah mencapai kedudukan 50 teratas dalam beberapa kriteria tertentu. Alhamdulillah, pihak Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada masa ini juga sedang berusaha untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui usaha-usaha strategik yang telah dikenal pasti," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam pembangunan negara terutama dalam melahirkan *knowledge society* dan ia merupakan jentera dalam melahirkan modal insan yang berkapasiti tinggi dalam mempertingkatkan sosioekonomi



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

negara.

Menurut Yang Berhormat lagi, pengajian tinggi juga dikenal pasti bukan sahaja sebagai pencipta pengetahuan (*knowledge creator*), malahan ia juga pereka inovasi



(creator of innovations).

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat lagi, ia juga merupakan penjana ekonomi melalui pelbagai usaha R&D (*research and development*) dan komersial dan dengan itu, inisiatif ke arah ini harus dikawal secara strategik agar ia lebih efektif dan pelaburan ke arahnya akan bermanfaat.

"Ke arah itu, Kementerian Pendidikan sebagai peneraju utama pembangunan pengajian tinggi di negara ini sedang dalam proses merangka Pelan Strategik Pengajian Tinggi. Pelan strategik ini perlu bagi memastikan dasar, hala tuju dan inisiatif strategik institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini adalah selaras dalam mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035," tegas Yang Berhormat.

"UBD juga telah mencapai kedudukan 50 teratas dalam beberapa kriteria tertentu. Alhamdulillah, pihak Institut Teknologi Brunei dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada masa ini juga sedang berusaha untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui usaha-usaha strategik yang telah dikenal pasti."

Tangani kelambatan pemilihan calon ketua kampung

Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Skim Perkhidmatan Baharu Penghulu dan Ketua kampung yang



YANG Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

baharu yang menggantikan Skim Perkhidmatan Baharu 2013 yang sedang dalam pertimbangan pihak-pihak berkenaan akan menentukan jawatan ketua kampung itu benar-benar jawatan yang dapat melaksanakan kepimpinan di peringkat akar umbi sesuai dengan perkembangan dan taraf pengetahuan dan ilmu orang ramai di kampung masing-masing.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berkata, skim tersebut memberikan peluang kepada calon-calon yang terdiri daripada orang yang berpendidikan, di samping berpengalaman.

Ketika mengulas persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai kelambatan proses

mencari calon ketua kampung, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menambah, kementerian sedang berusaha untuk menetapkan satu kadar sekurang-kurangnya 33 peratus jumlah penduduk yang layak mengundi berbanding dengan pengalaman-pengalaman proses pengundian yang lalu yang ada di antaranya tidak mencapai 25 peratus penduduk yang layak mengundi.

Perkara tersebut dibahaskan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada sebelah petang hari kelima di Dewan Majlis, Bangunan MMN.

Persidangan menyambung semula perbincangan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan, 2015 / 2016 yang membincangkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Menurut Yang Berhormat, antara mekanisme lain yang dirancang termasuklah meletakkan sepanduk-sepanduk bagi pemberita-

huan mengenai pengundian calon ketua kampung, selain mendaftarkan pengundi-pengundi yang terdiri daripada penduduk kampung yang layak mengundi di setiap kampung.

Tidak semestinya kosong jawatan tersebut tetapi setiap kampung itu mesti ada pendaftaran bagi penduduk yang layak.

"Apabila ada pengundian, mereka ini akan dipanggil, dijemput dengan diberikan kad sebagai pengundi. Apabila mereka datang mereka akan mendaftar sebagai pengundi. Kalau sah memang orang yang dipanggil, maka kadnya itu akan ditukar dengan kad undi. Ini akan lebih *transparent* dalam pemilihan ketua-ketua kampung. Mudah-mudahan perkara ini akan dapat dilakukan," jelas Yang Berhormat dengan penuh harapan.

Menyentuh mengenai cadangan yang juga diusulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit untuk menubuhkan Skwad Khas Separuh Tentera bagi menangani keselamatan pegawai-pegawai imigresen yang menghadapi risiko penjenayah sama ada dari dalam dan luar negara, Yang Berhormat



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berpendapat setakat ini penubuhan skuad seumpamanya tidak perlu ditubuhkan.

Garis panduan bekerja di sektor swasta

Laporan : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Jabatan Buruh disaran agar dapat memberi ruang untuk memberi perancangan secara *manage target* dalam garis panduan anak-anak tempatan yang bekerja di sektor swasta.

Hal ini kerana anak-anak tempatan masih lagi terawang-awang dan tidak yakin akan bekerja di sektor swasta dan hanya cenderung bekerja di

sektor awam iaitu di sektor kerajaan.

Perkara ini antara cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas bagi MMN di Dewan Bangunan MMN, di sini.

Menjawab persoalan tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan perkara itu kalau diungkit-ungkit kenyataannya memang sama dan ia mempunyai hubungan dengan budaya.

"Jadi budaya itu akan berubah insyaaAllah, dari semasa ke semasa. Beberapa peratus, iaitu beberapa dasar yang telah dinamakan, iaitu bagi zon ini, jenis perniagaan ini, *percentage* itu ditetapkan untuk memastikan terbalik daripada kita, pada masa ini 34 peratus, kita mahukan menjadi 66 peratus, manakala selebihnya 34 peratus itu adalah orang luar. Soalnya, adakah kita terdai tenaga dengan bilangan penduduk yang sedemikian itu. Jadi inilah persoalan yang masih banyak tanda tanya dan kita cuba



menghuraikannya dengan sebaik-baiknya," menurutnya.



YANG Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib semasa persidangan MMN.

Penggunaan LRT belum sesuai

Laporan : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan bahawa cadangan untuk menggunakan penggunaan LRT belum sesuai bagi Negara Brunei Darussalam.

Sebagaimana kajian-kajian yang terkandung dalam Masterplan Bandar Seri Begawan (BSB) yang dibuat oleh pihak Kementerian Perhubungan mendapati LRT tidak sesuai bagi Brunei, walaupun memang benar dalam Masterplan BSB itu ada disebutkan LRT dari bandar menuju ke lapangan terbang dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, menurut Yang Berhormat, Masterplan BSB pada masa ini pelaksanaannya sedang berjalan seperti mengenai

koridor, sungai, Sungai Kedayan. Dan sudah ada langkah konkrit bagi pelaksanaan rancangan tersebut mengikut yang dirancang dalam Masterplan BSB.

Pelaksanaan untuk akan mengubah wajah bangunan-bangunan kedai di BSB dan beberapa unit di Jalan Sultan sudah dalam perancangan untuk diubahsuai dan dibangunkan semula dengan keperluan-keperluan yang dirancang dan tidak lagi berupa kedai-kedai berpintu termasuklah kawasan bangunan letak kereta dan Bangunan Komersial Bumiputera. Semua ini akan mengubah wajah BSB, jelas Yang Berhormat pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Bangunan Dewan MMN, di sini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab isu yang dikemukakan ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai dengan membina LRT atau MRT bagi mengurangkan pergerakan kenderaan bermotor dan mengurangkan kesesakan jalan raya serta mengubah wajah BSB menjadi sebuah Bandar Dalam Taman ataupun satu hari nanti boleh menjadi Bandar raya yang cantik di Borneo ataupun Modern City Of Borneo, terbesar dan terindah serta menjadi pusat segala perniagaan dan kewangan serta pusat pengurusan semua agensi dan boleh membuka lebih banyak peluang perniagaan.



YANG Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Arahkan peniaga kuih-muih Pasar Gadong berpindah

Laporan : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berharap cadangan perniagaan di Pasar Gadong yang berupa kuih-muih agar dapat dipindahkan di Gerai Payung di Pasar Gadong dapat diterima oleh peniaga-peniaga di gerai berkenaan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan perkara tersebut bagi menjawab cadangan yang dibangkitkan semula oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai perniagaan di Pasar Gadong tersebut akan dapat dibuat oleh Jabatan Bandaran.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz

Haji Awang Badaruddin berucap pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas bagi MMN di Dewan Bangunan MMN dengan menegaskan bahawa sejauh ini agak susah untuk menggerakkan para peniaga berkenaan untuk berpindah ke Gerai Payung tersebut.

"Tetapi jikalau cadangan daripada Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan untuk menswastakan operasi gerai itu dapat dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan nanti, mungkin ini dapat memindah peniaga tersebut," tegasnya.

Menyentuh soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub iaitu bagaimana menangani pertumbuhan bengkel-bengkel kereta yang tidak sesuai dengan tempat dan bangunan yang menggunakan perumahan yang disewakan di kampung-kampung,



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar kemudiannya menjelaskan bahawa isu bengkel-bengkel kereta itu berlarutan dalam beberapa tahun ini.

Justeru itu, jelas Menteri Perhubungan, kementeriannya dalam masa terdekat berhasrat untuk membuat *rationalization* mengenai *workshop* tersebut dengan membuat klasifikasi dan menyediakan beberapa teknikal kriteria mengenainya dan diharap usaha berkenaan akan dapat dijalankan dengan pihak-pihak insurans yang akan melindungi kereta-kereta terabit.

"TETAPI jikalau cadangan daripada Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan untuk menswastakan operasi gerai itu dapat dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan nanti, mungkin ini dapat memindah peniaga tersebut," tegasnya.

Kurangkan kebergantungan penggunaan kereta persendirian



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Kajian penyediaan Land Transport Master Plan (LTMP) merangkumi rancangan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi semua aspek pengangkutan awam termasuk pengangkutan air.

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Dk. Nurhafilah Pg. Osman

Dalam negara-negara maju termasuk negara-negara yang mencapai tahap kemakmuran seperti Negara Brunei Darussalam majoriti perjalanannya dipenuhi oleh pengangkutan awam.

Justeru hasil kajian LTMP tersebut mencadangkan empat strategi utama dengan cadangan-cadangan dasar seperti pelan tindakan yang dilaksanakan sehingga tahun 2035 malah hingga tahun 2050.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan perkara tersebut berhubungan dengan soalan mengenai dengan usaha meningkatkan perkhidmatan

pengangkutan awam di negara ini pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diadakan di Bangunan MMN, di sini.

Strategi-strategi tersebut jelas Menteri Perhubungan ialah mengurangkan kebergantungan pada pengangkutan yang menggunakan kereta persendirian; memastikan lalu lintas jalan raya sentiasa bergerak; mencapai masyarakat yang berdaya tahan serta mengukuhkan pengawalseliaan.

Menyentuh dengan perkhidmatan pengangkutan awam khususnya bas awam, Yang berhormat menjelaskan, LTMP dalam kajiannya telah mengenal pasti empat (4) faktor utama, iaitu kesinambungan;

kebolehasnesan; ketersediaan dan kemampuan.

Keempat-empat faktor ini, terang Yang Berhormat diberi keutamaan bagi semua pihak yang berkepentingan untuk menjadikan sistem pengangkutan awam termasuk BRT sebagai satu pilihan untuk semua di negara ini.

Dalam erti kata lain, jelas Yang Berhormat sistem pengangkutan awam mestilah mempunyai empat faktor ini untuk menjadikan ia menjadi pilihan untuk semua dan sebagai usaha untuk mengurangkan kebergantungan pada pengangkutan yang menggunakan kereta persendirian.

Justeru itu, perlunya ada dasar yang membolehkan atau menarik serta dasar yang mendorong orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam tersebut.

Kepelbagaian serta tahap *push and pull factors* ini dilaksanakan akan menyumbang kepada kemantapan

perkhidmatan pengangkutan awam di sesebuah negara.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Garis panduan giat dilaksanakan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 11 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan bahawa garis panduan amalan dalam Pengurusan Sumber Tenaga Manusia dan kaedah *numeration* yang berpatutan bagi pekerja-pekerja swasta telah giat dibuat.

Menurut Yang Berhormat, setakat ini Jabatan Buruh dan APTK belum sampai ke peringkat sedemikian. Walau bagaimanapun Jabatan Buruh dan APTK khasnya telah menyelesaikannya melalui perancangan asal melalui *fair packages* yang dirancang pada tahun lepas dan sekarang sedang giat di peringkat tinjauan terhadap majikan-majikan.

"InsyaAllah, *fair packages* ini dapat dirumuskan. Ia akan menjadi sebahagian daripada garis panduan," jelas Yang Berhormat ketika menjawab cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai beberapa tindakan perlu diambil untuk menggalakkan anak-anak tempatan mempertimbangkan untuk bekerja di sektor swasta pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Bangunan De-

Laporan : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hernie Suliana Haji Othman

wan MMN, di sini.

Garis panduan berkenaan, tegas Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli, boleh membantu pihak swasta untuk memberikan maklumat secara telus dan seterusnya membolehkan pencari kerja untuk menilai akan tawaran-tawaran serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di sektor swasta dengan kefahaman yang lebih baik bagi para pencari kerja tempatan dan lebih memberi perhatian serta peluang pekerjaan di sektor swasta.

Cadangan Yang Berhormat ini adalah bersesuaian dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mahu ahli Dewan memberi tumpuan kepada perbincangan perihai kesejahteraan pekerja-pekerja sektor swasta.

Berhubung dengan tambahan skim-skim diselenggarakan dengan beberapa agensi-agensi yang lain, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa, penilaian keberkesanannya yang dibuat selama ini dari segi menggalakkan anak-anak tempatan bekerja sudah dilaksanakan khususnya dengan mengadakan Job Fair dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun Job Fair yang diadakan setiap tahun walaupun ramai pengunjung dan banyak yang berminat untuk ditemu duga hasilnya yang mendapat pekerjaan jauh daripada jangkaan, jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tidak hanya melalui Job Fair, Jabatan Buruh dan APTK juga mengadakan semacam skim-skim latihan yang diperlukan oleh industri yang kompetensi *requirement*. Di antaranya perundingan-perundingan yang jelas untuk menuju ke arah latihan-latihan yang diperlukan oleh industri telah dibincangkan bersama Kementerian Pendidikan dengan maktab teknik, vokasional, kejuruteraan dan malah juga agensi-agensi lain seperti Pusat Pembangunan Belia, jelas Yang Berhormat.

Perkara ini penting bagi memberi maklumat kepada peserta-peserta yang mendapat pekerjaan melalui Skim APTK akan cara dan ruang bagi mereka untuk meningkatkan kemahiran melalui kursus dan latihan yang tertentu yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta.

Kerjasama juga telah diberikan oleh syarikat yang menjadi *strategic partner* kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengadakan latihan-latihan On Job Training di syarikat masing-masing dengan membuat pendekatan dan seterusnya meyakinkan majikan-majikan apa yang terbaik untuk anak-anak tempatan bekerja di tempat mereka dan sebagai sumbangan majikan-majikan kepada perekonomian negara untuk mengatasi pengangguran.

Yang Berhormat menjelaskan demikian ketika menjawab isu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli mengenai usaha tambahan kepada skim-skim yang dikelolakan oleh agensi pekerja tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), agar diselenggarakan dengan usaha-usaha agensi kerajaan yang lain dan juga pihak swasta untuk membudayakan dan mempraktikkan pembelajaran sepanjang hayat.



YANG Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Pembinaan perhentian bas sentiasa dipantau

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Dk. Nurhafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Daud bin Karim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Pembinaan perhentian-perhentian bas di negara ini serta kesesuaiannya akan terus diteliti oleh pihak-pihak yang terlibat, iaitu Core Group dalam Majlis Keselamatan Jalan Raya dari semasa ke semasa.

Dalam strategi masa sederhana dan panjang bagi pembaikan perkhidmatan dan kesaling hubungan serta pengangkutan bas awam di negara ini, Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat sedang meneliti kesesuaian untuk

mengadakan pembinaan dan pemeliharaan perhentian-perhentian bas dengan kaedah-kaedah yang lain, iaitu seperti Private Public Partnership (PPP) ataupun *social responsibility*.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Daud bin Karim pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas, MMN yang diadakan di Bangunan MMN yang menyentuh tentang pembinaan perhentian bas awam di kawasan Jalan Kota Batu dan Jalan Subok.

Menurut Yang Berhormat, lebih kurang 200 daripada 300 jumlah pondok bas yang disediakan di seluruh Negara Brunei Darussalam ada di Daerah Brunei dan Muara.

Melalui tinjauan Jabatan Pengangkutan Darat, jelas Yang Berhormat mendapati ada 22 perhentian bas di sepanjang Jalan Kota Batu, tetapi hanya lapan (8) pondok bas sahaja yang beratap dan tidak ada perhentian bas di sepanjang Jalan Subok.

Dalam hubungan ini, Menteri Perhubungan memberi jaminan bahawa perkara tersebut akan sentiasa dipantau.

Infrastruktur pendidikan diperkukuh

Laporan : Musa Mohidin

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Mac. - Kementerian Pendidikan sentiasa peka terhadap perkara-perkara berkenaan dengan pendidikan.

Penegasan berkenaan adalah respon daripada soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Di antara perkara yang beliau kemukakan ialah sama ada Kementerian Pendidikan sudah membuat kajian mengenai jangkaan 20 ataupun 30 tahun akan datang, berpandukan kadar peningkatan jumlah pelajar dan bertambahnya institusi pendidikan setiap tahun.

Beliau berkata, perancangan



YANG Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

jangka panjang akan dapat membantu mengatasi kekurangan guru khususnya dalam bidang yang diperlukan seperti Mathematics, Science, English dan lain-lain.

Kedua, Yang Berhormat Awang Haji Jumat juga bertanya, apakah perkembangan guru *relief* yang sering ditimbulkan oleh mereka yang masih menunggu kekosongan jawatan.

Ketiga, beliau menyentuh mengenai menaik taraf bangunan dan kemudahan sekolah.

Keempat, kehadiran para pelajar di sekolah rendah yang pada tahap yang merisaukan di kebanyakan sekolah di negara ini. Sehubungan ini, beliau bertanya apakah faktor-faktor penyebab kehadiran pelajar di sekolah rendah ke tahap yang membimbangkan.

Beliau seterusnya menyeru para ibu bapa sama-sama membantu Kementerian Pendidikan untuk memperbaiki keadaan berkenaan.

Kelima, Yang Berhormat bertanya, mengapakah pelajar atau pegawai yang menjalani kursus sama ada latihan dalam perkhidmatan di bawah biasiswa kerajaan, apabila tamat kursus mereka tidak ditugaskan mengikut kemahiran yang mereka perolehi.

Beliau menyentuh perihal guru-guru yang mengambil kursus tertentu, tetapi mengajar mata pelajaran yang kurang tepat dengan kelulusan mereka.

Keenam, beliau mencadangkan agar kursus empat tahun Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Rendah) ditawarkan semula bagi melahirkan guru-guru yang mempunyai asas kemahiran mengajar sebelum ditugaskan mengajar di sekolah-sekolah.

“Wawasan Negara 2035 untuk mencapai pendidikan yang bertaraf berkualiti tinggi, tidak juga akan tercapai jika sekiranya tidak mempunyai guru-guru yang terlatih dalam bidang perguruan dari peringkat kerjaya mereka. Memperuntukkan jumlah besar graduan-graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) khususnya

dalam bidang perguruan akan dapat membantu mengurangkan pengangguran dalam kalangan graduan lepasan UBD,” kata Yang Berhormat Awang Haji Jumat.

Soalan mengenai adakah kajian dibuat bagi menentukan jumlah guru yang diperlukan dan bidang-bidangnya bagi tempoh 20 ke 30 tahun, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, *projection* mengenai keperluan guru sentiasa dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk mensejajarkan antara perkembangan pendidikan dan keperluan guru.

Mengenai perkembangan guru *relief*, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkata, istilah guru *relief* itu sendiri membawa erti bahawa mereka adalah guru sementara untuk mengambil alih tugas guru yang bercuti kalau guru perempuan kerana bersalin atau guru yang mengikuti latihan perkhidmatan dalam negeri ataupun latihan perkhidmatan jangka panjang tiga ke empat bulan di luar negeri.

“Walau bagaimanapun, guru-guru *relief* ini dibolehkan untuk memohon jawatan-jawatan apabila jawatan-jawatan itu diiklankan sebagai contoh jawatan PG2 atau Guru Tingkat 1 telah pun diiklankan pada tahun lepas dan dalam hubungan ini, iaitu guru PG2 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan daripada penyelidikan kita lapar daripada 10 pemohon yang berjaya adalah terdiri daripada guru *relief*,” kata Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

“Pada hujung tahun lepas, Jabatan Sekolah-Sekolah telah pun mengiklankan sebanyak 28 jawatan PG3, iaitu Pegawai Pendidikan dalam Bahasa Melayu, Melayu Islam Beraja, Sastera, Combined Science, Geografi dan Pendidikan Jasmani,” kata beliau.

Menyentuh projek menaik taraf sekolah-sekolah luar bandar seperti menyediakan tempat letak kereta, padang dan sebagainya, Yang

Berhormat Menteri Pendidikan berkata, pelaksanaan projek-projek tersebut adalah di bawah Projek BISAI dan juga di bawah Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

“Oleh sebab itu, kita mempunyai 118 buah sekolah rendah di seluruh negara. Ia akan mengambil giliran sekolah-sekolah tersebut untuk dinaik taraf. Pada masa ini, di samping usaha untuk menaik taraf infrastruktur sekolah, kita juga menaik taraf hal yang berkaitan dengan hal keselamatan, iaitu menyediakan tempat-tempat penurunan pelajar di sekolah-sekolah rendah supaya kereta-kereta tidak akan masuk ke dalam kawasan sekolah bagi menjamin keselamatan. Ini juga sedang berjalan,” kata Yang Berhormat.

Mengenai kehadiran para pelajar di sekolah-sekolah, Yang Berhormat berkata, usaha untuk menangani perkara tersebut adalah dijalankan melalui pelaksanaan sistem *online* bernama iNES sejak 5 Januari 2015.

“Sehingga hari ini saya dapat memaklumkan bahawa melalui sistem ini, kita dapat memantau kehadiran pelajar-pelajar di semua sekolah kerajaan pada setiap hari. Pada masa ini 95 peratus kehadiran pelajar-pelajar bagi semua sekolah di peringkat rendah dan menengah sehingga bulan Mac ini,” kata Menteri Pendidikan.

Menurut Yang Berhormat, setiap hari mulai jam 9.00 pagi, semua sekolah akan mengetahui jumlah kehadiran pelajar.

“Pihak sekolah akan menghubungi para ibu bapa sama ada melalui *mobile phone* atau telefon rumah, apa sebab-sebab ketidakhadirannya itu,” kata Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

“Kita tidak akan membiarkan seorang pelajar akan berterusan tidak hadir dalam tempoh lebih daripada tiga hari,” kata Yang Berhormat.

Mengenai penempatan pegawai-pegawai selepas mengikuti latihan ataupun selepas apabila pelajar mendapat tawaran berkhidmat di Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat berkata, sekiranya ada perkara ini, kementerian tersebut akan meneliti.

Menyentuh mengenai cadangan tawaran bagi UBD untuk



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

melaksanakan kursus pendidikan rendah pada masa ini, Menteri Pendidikan berkata, Kementerian Pendidikan telah pun melaksanakan rancangan Master of Teaching.

“Bagi *graduate* yang berminat untuk menjadi guru, mereka akan mengikuti Program Master of Teaching selama satu tahun di UBD dan program yang dulu kita kenali sebagai Bachelor atau Diploma of Education tidak lagi diadakan,” kata Menteri Pendidikan.

“Dalam apa jua disiplinnya seperti Biology, Mathematics, English dan mereka mengikuti kursus Master of Teaching selama satu tahun. Maksudnya kelayakan untuk mengikuti kursus ini adalah ditingkatkan. Kalau dulu dalam kursus Bachelor of Education dan sebagainya itu, pelajar-pelajar yang mempunyai 3 ‘A’ Level dan Gred ‘A’ Levelnya dalam Gred D, C, E pun diterima. Kualiti guru yang kita dapati itu adalah kurang daripada yang kita harapkan,” kata beliau.

“Kita berharap dengan mewujudkan program ini satu hari nanti kualiti guru-guru kita pun akan dapat meningkat. Di samping itu, kita tidak menafikan bahawa keperluan untuk suatu kursus-kursus yang khusus masih lagi dijalankan oleh UBD dalam bidang perguruan ini. Ini kita laksanakan melalui mengenal pasti apakah kursus-kursus yang diperlukan,” kata Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Kerajaan sediakan pendidikan awal kanak-kanak

Laporan : Musa Mohidin

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Di antara perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan yang disentuh oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid ialah mengenai hasil kajian kemungkinan penyediaan pendidikan bagi kanak-kanak antara umur tiga ke lima tahun di Negara Brunei Darussalam.

Soalan berkenaan adalah berlatarbelakangkan kajian yang disiapkan di pertengahan tahun 2014 oleh konsultan yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan.

Juga disentuh ialah perlunya pengetahuan dalam kalangan pihak berkepentingan mengenai tawaran kursus-kursus teknikal dan vokasional dan transformasi pendidikan teknikal dan vokasional. Beliau cadangkan pengendalian kaji selidik bagi mengetahui kefahaman pihak tersebut terhadap kursus-kursus dan transformasi yang dimaksudkan.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli juga mencadangkan agar para guru kaunselor dilibatkan di dalam menerangkan peluang-peluang atau laluan pembelajaran lanjut bagi setiap kursus yang ditawarkan oleh pendidikan teknikal dan vokasional.

Mengenai kajian pendidikan awal kanak-kanak, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, kajian tersebut memberikan laporan mengenai kedudukan pendidikan awal kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam pada masa ini dengan membandingkan pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak di negara-negara lain untuk melihat apakah *best practice* yang boleh dipelajari dari negara-negara berkenaan.

Menteri Pendidikan berkata, definisi pendidikan awal kanak-kanak boleh dilihat dari segi pendidikan di peringkat umur tiga tahun ke atas atau lebih awal

dari itu.

“Tetapi kalau kita merujuk kepada Akta Pendidikan bahawa Kementerian Pendidikan bertanggungjawab kepada pendidikan umur lima tahun ke atas,” kata Yang Berhormat.

“Jadi dalam kedudukan Negara Brunei Darussalam pada masa ini, pendidikan awal kanak-kanak ini dikendalikan sebahagian besarnya di peringkat umur tiga ke empat tahun oleh institusi-institusi pendidikan swasta dan Kementerian Pendidikan melaksanakan pendidikan awal kanak-kanak yang digelar sebagai prasekolah bagi pelajar-pelajar yang telah mencapai umur lima tahun,” kata Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

“Ada beberapa pertimbangan yang perlu pihak kementerian teliti setelah mendapat laporan-laporan ataupun hasil kajian. Memanglah usaha kitani untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak di negara ini dan alhamdulillah, kita bersyukur kerana bagi Negara Brunei Darussalam ia telah dapat menyediakan pendidikan awal kanak-kanak pada umur lima tahun ini di semua sekolah kerajaan.

Kalau kita membandingkan dengan negara lain pendidikan awal ini masih lagi dikendalikan oleh sektor swasta,” kata Yang Berhormat.

Di antara perkara yang didapati dari hasil laporan berkenaan, perkara yang diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan ialah pada masa ini hanya sekitar 40 peratus daripada guru-guru di sektor kerajaan ataupun di sekolah institusi swasta yang mempunyai kelulusan atau kelayakan untuk mengajar di peringkat awal.

“Itu satu aspek dan kedua ialah persekitaran. Jadi persekitaran ataupun infrastruktur bagi *early childhood*, Alhamdulillah, bagi Kementerian Pendidikan terdapat adanya rancangan untuk membina sekolah rendah yang baharu kita sudah menyediakan ruang bagi keperluan pendidikan awal kanak-kanak,” kata Menteri Pendidikan.

Mengenai cadangan mengadakan kaji selidik terhadap pengetahuan umum mengenai pelaksanaan pendidikan teknikal dan vokasional, Menteri Pendidikan berkata, sejak akhir-akhir ini pihak kementerian berusaha membawa para ibu bapa



YANG Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

menghadiri jerayawara yang dilaksanakan oleh institusi-institusi pendidikan teknikal agar bukan saja para pelajar, tetapi juga ibu bapa juga memahami akan kandungan kursus dan laluan kerjaya yang ditawarkan.

Begitulah juga bagi para guru kerjaya di mana golongan tersebut juga dibawa bersama menghadiri jerayawara yang diadakan oleh Institut Pendidikan Teknik dan Vokasional.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Kementerian Pendidikan telah menetapkan dan melaksanakan sasaran yang tinggi

KPI bantu pelaksanaan Akta Pendidikan Wajib

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

sekarang-kurangnya pencapaian lulus Gred 'A' hingga 'C' dan mendapat 90 peratus Penilaian Sekolah Rendah pada tahun 2017 serta penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib.

Beberapa agenda telah dilaksanakan, antaranya melalui Key Performance Indicator (KPI) atau Petunjuk Prestasi Utama bagi kehadiran pelajar yang diwujudkan di sekolah-sekolah rendah dengan sasaran sekurang-kurangnya 95 peratus kehadiran, menurut Ahli Majlis Mesyuarat (MMN), Yang

Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Sehubungan itu, menurut Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong menyatakan, "Sistem untuk mengesan kehadiran pelajar-pelajar di sekolah-sekolah sejak 5 Januari tahun ini dan sehingga pada hari ini, alhamdulillah dengan kesedaran para ibu bapa dan juga penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan semua pemimpin-pemimpin masyarakat bahawa

kehadiran ini telah pun mencapai 95 peratus pada masa ini."

Selain itu, Projek Pemangkin 46 Hari juga dikenakan kepada pelajar-pelajar yang kehadiran ke sekolah mereka kurang daripada apa yang diperlukan, mereka akan dipindahkan dengan persetujuan para ibu bapa untuk tinggal di asrama dengan memastikan bahawa kehadiran ke sekolah mereka adalah menepati kehendak, jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Maka tersebut adalah salah satu daripada tatacara bagi mengatasi masalah berkenaan, ujar Yang Berhormat Menteri Pendidikan lagi pada Persidangan Pertama hari keenam bagi Majlis Mesyuarat



SMSH Bangar dijangka beroperasi awal tahun 2018

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong mengakui bahawa terdapat kelewatan dari segi pelaksanaan pembinaan Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH) Bangar disebabkan tapak tanah pada masa ini.

"Sekarang tapak bagi pembinaan sekolah ini akan dibina di kawasan sebelah utara sekolah berkenaan, yang berkeluasan seluas 6.24 hektar," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan ketika menjawab soalan

yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai perkembangan perancangan pembinaan bangunan baharu SMSH pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Majlis Bangunan MMN.

Untuk makluman bersama, ujar Yang Berhormat, proses yang berjalan pada masa ini ialah proses reka bentuk yang telah pun selesai pada hujung tahun lepas.

"Ia telah pun diteliti oleh pihak berkenaan dan dengan adanya

konsep *design* ini, pelan pelaksanaannya akan dapat dilakukan. InsyaaAllah tawaran bagi pembinaan sekolah ini akan dibuat dalam sekitar bulan Mei atau Jun tahun ini. Selepas sembilan bulan ia dikira akan dapat dilaksanakan. Adalah diharapkan bahawa sekolah ini akan dapat beroperasi pada awal tahun 2018 Masihi," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai terdapatnya perubahan ke atas Sekolah Menengah Lumut yang akan dijadikan sebagai sebuah Sekolah Teknikal di mana sekolah tersebut akan digunakan sebagai sebahagian daripada Politeknik Brunei, iaitu Sekolah Sains dan Kejuruteraan.

Menurut Yang Berhormat Menteri

Pendidikan sekolah berkenaan akan beroperasi dalam masa yang terdekat, di mana pihak Politeknik Brunei sudah pun mula berpindah ke bangunan sekolah tersebut.

Menyentuh mengenai Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Yang Berhormat menjelaskan, antara kursus-kursus yang ditawarkan dalam Sains dan Kejuruteraan adalah berkaitan dengan industri minyak dan gas seperti *oil engineering*.

"Pada peringkat ini, seramai 998 orang pelajar akan mengikuti kursus di premis yang baharu ini," jelasnya semasa menjawab soalan yang diisukan oleh Yang Berhormat, Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad.



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Program ISQ buka peluang lulusan 'O' Level, lepasan sekolah

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - "Melalui Program ISQ ini keramaian pelajar-pelajar yang telah pun lulus daripada program ini telah pun diikat dan diberikan *guaranteed jobs* oleh industri yang mengambil mereka telah pun kita ketahui," jelas Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Pelajar-pelajar yang tidak diterima masuk ke institusi-institusi yang berkelulusan lima (5) 'O' Level atau dua (2) 'O' Level masih berpeluang meneruskan pembelajaran mereka

melalui Pendidikan Teknik Vokasional yang telah pun dilaksanakan pada tahun 2013. Ia memberi ruang kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan 'O' Level untuk memasuki Institusi Pendidikan Teknikal dengan mengambil Programme High National Diploma.

Pernyataan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai perancangan untuk melonggarkan syarat kemasukan ke sekolah-sekolah teknikal, vokasional dan kejuruteraan bagi pengajian dalam negeri adalah antara perbincangan yang berlangsung pada hari keenam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN 2015 di Dewan Persidangan MMN.

Manakala bagi mereka yang tidak mempunyai 'O' Level atau kosong 'O' Level dan hanya mencapai pendidikan setakat tahun 11, maka mereka ini telah dan boleh memasuki Institusi Pendidikan Teknikal di bawah program 'Industrial Skill Qualification' (ISQ).

Perkara ini juga berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid bahawa kita perlulah bekerjasama untuk meyakinkan para ibu bapa bahawa ada kursus yang telah disediakan bagi anak-anak mereka, iaitu melalui usaha meningkatkan kemahiran anak-anak mereka melalui Program ISQ. Ini adalah salah satu cara untuk mengurangkan pengangguran di negara ini.

Pembinaan Maktab Sains Daerah Belait diteruskan

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, *Board of Inquiry* telah ditubuhkan untuk menyiasat kejadian yang berlaku ke atas projek pembinaan Maktab Sains, Kuala Belait pada 28 Oktober 2014.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong berkata, dalam hubungan itu, pihak Kementerian Pendidikan telah menerima laporan serta cadangan dan tindakan-tindakan yang perlu diambil iaitu tindakan serta-merta dan tindakan jangka sederhana.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut ketika menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Dulamin mengenai perkembangan pembinaan Maktab Sains di Daerah Belait pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas yang bersidang di Dewan Majlis,

Bangunan MMN, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan, berikutan dengan kejadian itu, Jabatan Buruh telah mengeluarkan arahan untuk pemberhentian kerja.

Kementerian Pendidikan juga, jelas Yang Berhormat, telah pun meminta semua konsultan dan kontraktor untuk memberikan jaminan kualiti dan keselamatan, iaitu *quality and safety assurances* secara bertulis bagi memastikan bahawa kerja-kerja di tapak pembinaan ini akan dapat berjalan apabila pihak berkenaan menilai ia telah memenuhi keperluan-keperluan.

"Bagi tujuan ini juga kita telah memaklumkan kepada pihak konsultan dan kontraktor bahawa Jabatan Buruh menghendaki mereka ini membuktikan serta memberikan jaminan keselamatan sebelum projek ini dapat diteruskan. InsyaaAllah projek ini akan mula disambung apabila konsultan dan kontraktor-kontraktor dapat memenuhi keperluan-keperluan yang telah dimaklumkan kepada mereka," jelas Yang Berhormat.



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Dulamin.

Memandangkan keramaian pelajar-pelajar dari sekitar Daerah Belait masih kecil, Kementerian Pendidikan, tambah Yang Berhormat, mengoptimumkan kemudahan ini supaya dapat digunakan untuk menampung keramaian pelajar dari daerah lain yang berdekatan.

Ke arah itu, Kementerian Pendidikan, ujunya, sedang meneliti cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bagi menempatkan pelajar-pelajar Pusat Tingkatan Enam yang sedang mengikuti pengajian di Sekolah Menengah Sayyidina Ali.



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - "Kita berusaha dengan kemudahan-kemudahan yang ada pada masa ini, beberapa perkara yang melibatkan pengurusan pentadbiran ini diharap dapat diringkaskan. Salah satu daripadanya yang banyak kita bincangkan pagi tadi dan tengah hari ini mengenai kedatangan murid-murid ke sekolah. Sebelum ini tiap-tiap sekolah akan membuat satu daftar kehadiran murid dan daftar harian ini dikumpul sehingga habis satu bulan dan daftar itu akan dihadapkan ke Kementerian Pendidikan," menurut Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Dengan teknologi ICT yang wujud dan digunakan kini tambah Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah membantu perkara tersebut dibuat dalam waktu yang singkat sahaja.

Kemudahan dan teknologi kini bantu urusan pentadbiran sekolah



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Maka bebanan dari segi aspek tersebut dapat diringkaskan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan bahawa peranan guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran murid-murid adalah penting. Manakala keperluan untuk Kementerian Pendidikan mengambil berkhidmat pegawai-pegawai yang *graduate* untuk menjalankan tugas pentadbiran. Tugas pentadbiran sekolah sebenarnya menjadi tugas kepada pemimpin sekolah untuk

melaksanakannya.

Pernyataan berkenaan adalah bagi usulan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai tugas dan kerja pentadbiran hendaklah diberikan kepada pencari-pencari kerja yang masih ramai di negara ini atau ditawarkan kepada graduan-graduan yang mempunyai ijazah

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

dalam Public Policy Management contohnya pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN 2015 hari keenam bagi sesi petang.

"Mereka ini berkebolehan menguruskan pelaksanaan tugas-tugas pentadbiran sekolah yang boleh membantu guru-guru besar dan tugas-tugas yang bersesuaian," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan, lazimnya struktur organisasi sekolah mempunyai pemimpin sekolah, iaitu Pengetua yang dibantu oleh Timbalan Pengetua dan juga Penolong Pengetua di mana masing-masing dengan tugas-tugas tertentu seperti akademik dan juga pentadbiran.

Selain itu, dari segi kebersihan sekolah, lima buah sekolah menengah telah pun melaksanakan pembersihannya oleh pihak swasta, iaitu Penswastan Pembersihan Sekolah. Maka ia juga dihasrat dapat mengurangkan bebanan guru besar atau pengetua dari segi *mensupervise* kakitangan yang diambil berkhidmat untuk membuat pembersihan-pembersihan sekolah. Apa yang dinyatakan tersebut adalah

beberapa usaha yang telah dibuat. InsyaaAllah cara mengurangkan apa yang disebut bebanan pentadbiran akan diusahakan, tegas Yang Berhormat Menteri Pendidikan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Kementerian Pendidikan laksana inisiatif berinovatif

Laporan : Musa Mohidin

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis 12 Mac. - Inisiatif-inisiatif seperti penubuhan sekolah pemangkin bagi membantu para pelajar daripada golongan susah yang lemah dalam menghadapi peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), pelaksanaan Integrated National Education and Transformation System (iNES) yang mengawasi kedatangan pelajar di sekolah secara *online* dan mentransformasi pendidikan teknikal dan vokasional adalah salah sebuah pelaburan modal insan yang akan dapat mengukuhkan ekonomi negara di dalam jangka masa panjang.

Sehubungan dengan anggaran

perbelanjaan Kementerian Pendidikan bagi Perbekalan 2015 / 2016, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman bertanya mengenai apakah hasil penemuan dan penilaian pelaksanaan SPN21.

Di samping itu, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah juga bertanya, apakah perancangan tindakan dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan lagi kualiti pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri

Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, kajian telah dibuat mengenai tugas dan beban para guru yang mempunyai tiga objektif.

Pertama ialah untuk mengenal pasti pelbagai tugas mengajar dan bukan mengajar yang dilaksanakan oleh guru-guru di peringkat sekolah rendah, menengah dan pusat tingkatan enam.

Kedua, ialah untuk meninjau bebanan kerja guru dan purata masa yang diperuntukkan untuk aktiviti pengajaran, persediaan mengajar, penilaian, aktiviti kokurikulum, kerja pentadbiran, latihan (perkembangan profesional guru) dan sebagainya.

Dan ketiga ialah untuk membuat perbandingan nisbah masa yang digunakan untuk mengajar di Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara OECD.

Menurut Menteri Pendidikan, status kajian pada masa ini ialah di dalam proses menganalisa data di peringkat sekolah rendah di mana dapatan awal dari kajian itu akan disediakan secara berperingkat-peringkat.

"Bagi peringkat sekolah rendah ini dijangka akan dapat dikongsikan pada hujung bulan April ini dan bagi sekolah menengah dan Pusat Tingkatan Enam pada bulan Jun 2015, dan laporan keseluruhannya, insyaaAllah akan dapat kita buat dan selesaikan dalam bulan Ogos ataupun sebelum itu lagi," kata Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar juga

menitikberatkan tiga perubahan yang dibawa oleh SPN21.

Pertama ialah perubahan dalam sistem pendidikan SPN21 pada masa ini memberikan pelbagai laluan kepada para pelajar yang mengikuti pengajian mereka berasaskan kecenderungan keupayaan dan minat mereka.

Kedua ialah perubahan dalam kurikulum penilaian dan ketiga ialah transformasi dalam pendidikan teknikal dan vokasional.

"Walaupun SPN21 ini telah dilaksanakan selama lima tahun ia merupakan satu kembara atau *journey* dan dalam *journey* ini kita akan terus membuat penilaian, pengubahsuaian dan penjejajaran. Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan telah membuat *review* sebelum tamat tempoh lima tahun, iaitu *review* yang telah dijalankan dalam tahun 2014 Masihi," kata Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat berkata, pelaksanaan SPN21 memerlukan kerjasama atau penglibatan semua pihak, iaitu guru, pemimpin sekolah, masyarakat dan Kementerian Pendidikan.

"Antara *stakeholders* ini didapati ada antaranya yang belum memahami akan apa perubahan, pelaksanaan, proses-proses yang diperlukan dan penglibatan mereka yang diharapkan untuk dilaksanakan dalam melaksanakan SPN21," kata Menteri Pendidikan.

"Di samping mengakui adanya *strengths* dan ada juga kelemahan-kelemahannya inilah yang pada masa ini sedang diteliti



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

dan diusahakan dan kerana itulah usaha-usaha kita pada masa ini ialah untuk terus meningkatkan prestasi pencapaian pelajar-pelajar kita dalam pendidikan rendah dan menengah," kata beliau.

Menurut Menteri Pendidikan, perkara utama yang dilihat oleh Kementerian Pendidikan ialah literasi dan numerasi.

"Disebabkan itulah dalam bajet kita ini ada peruntukan untuk mendatangkan pakar dalam bidang literasi dan numerasi, kerana jika literasi dan numerasi ini dapat kita tingkatkan dari pendidikan rendah lagi insyaaAllah, ia akan dapat memberikan impak kepada pelajar apabila mereka memasuki pelajaran menengah," kata Menteri Pendidikan.



PEGAWAI-PEGAWAI kerajaan dan orang ramai yang mendengar sesi perbincangan pada sebelah pagi.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Bengkel dan seminar berkenaan akan memperkaya, mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru. Kemahiran kursus-kursus diperlukan oleh guru-guru dalam memperbolehkan mereka melangkah maju dalam pembangunan karier

Aktiviti luar tingkat kemahiran, kemajuan karier guru

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

(*career development*) melalui SPG yang ada pada masa ini, ujar Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Hal ini adalah berdasarkan peruntukan berjumlah BND64.4 juta dalam Belanjawan Negara 2015/2016, iaitu bagi Kemudahan Prasarana dan Peralatan Sekolah dan Pengajian Tinggi dan Vokasional, dan menerusi Dana Sumber Tenaga Manusia berjumlah BND30 juta.

Respon berkenaan adalah bagi persoalan mengenai guru-guru yang mengikuti aktiviti-aktiviti seperti bengkel, seminar, mesyuarat dan pelbagai acara lain sehingga menimbulkan *stress* kepada guru-

guru seperti yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit dan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan bahawa satu kajian bebanan guru-guru akan dibuat dan insyaaAllah akan selesai pada tahun ini.

Namun bebanan-bebanan serupa ini seharusnya tidak akan mengakibatkan guru-guru menjejaskan tanggungjawab asas mereka mengajar dalam pembelajaran dan pengajaran, nasihat Yang Berhormat.

Hasil dari lawatan-lawatan yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat

Menteri Pendidikan ke sekolah-sekolah, mendapati bahawa sekolah-sekolah mengadakan intervensi pendidikan di luar waktu sekolah, iaitu sebelum 7.30 pagi (antara 7.00 pagi hingga 7.30 pagi), semasa waktu rehat dan waktu lepas sekolah, sebelum mereka mengikuti pengajian agama serta pada hujung minggu.

Oleh itu, pernyataan guru-guru terlalu stress menghadiri bengkel, seminar dan sebagainya perlulah diteliti, ujar Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN 2015 yang bersidang pada hari keenam bagi sesi petang di Dewan Persidangan MMN.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Kebajikan, kesejahteraan guru tidak diabaikan

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2015 bersidang kembali pada hari keenam bagi sesi petang di Dewan Persidangan MMN. Beberapa perkara telah dikemukakan bagi tajuk SF - Kementerian Pendidikan pada persidangan berkenaan. Masalah mengenai kekurangan guru di Daerah Temburong adalah antara yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Masalah ini adalah diakui sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, yang mana beberapa sekolah di Daerah Temburong yang mengalami masalah berkenaan adalah berpunca atau disebabkan oleh kurangnya bilangan atau jumlah guru dari Bandar Seri Begawan (BSB) yang mahu bertugas di Daerah Temburong.

Di samping itu, guru ganti bagi guru yang sedang cuti bersalin dan melanjutkan pelajaran sama ada di dalam atau luar negara juga menyumbang kepada masalah berkenaan. Perkara tersebut akan diambil perhatian oleh pihak kementerian, ujar Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menyatakan bahawa cadangan untuk memberikan elaun khas kepada guru-guru yang bertugas dari BSB di Daerah Temburong akan diteliti. Pemberian elaun khas kepada mereka diharap akan dapat menggalakkan guru-guru berkenaan untuk bertugas di daerah tersebut dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun dan diharap dapat menampung kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah di Daerah Temburong seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan, elaun khas pada masa ini hanya diberikan kepada guru-guru yang mengajar di sekolah



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

yang dikategorikan sebagai kawasan ulu, iaitu di Melilas dan Sukang.

Mengulas mengenai kedudukan perumahan dan flat-flat guru yang memerlukan pembaikan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, perkara ini juga akan diambil perhatian dan Jabatan Pentadbiran di Kementerian Pendidikan dan Jabatan Estet sentiasa melakukan pembaikan kepada aset-aset Kementerian Pendidikan, ujar Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Ambil langkah atasi masalah buku-buku teks

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan, Kementerian Pendidikan telah pun mengambil langkah ke hadapan bagi mengatasi masalah kekurangan buku-buku teks dengan mengadakan perjumpaan dengan pembekal pembekal buku-buku teks bagi memastikan bahawa pembekalan buku-buku teks mestilah mencukupi sebelum akhir tahun bagi tahun yang berikutnya.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum katanya, telah menubuhkan kedai buku teksnya dan dalam hubungan ini jika terdapat sebilangan ibu bapa itu tidak dapat membeli di kedai, maka buku-buku teks sedemikian boleh diperolehi daripada kedai di Jabatan Perkembangan Kurikulum.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan perkara itu ketika menjawab soalan yang

dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai masalah buku-buku teks dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung pada sebelah petang di Bangunan MMN, di sini.

Ke arah itu, tambah Yang Berhormat, kita juga menggalakkan pemakaian buku-buku teks lama (*second hands text books*) dan satu penjualan buku teks telah diadakan pada tahun lepas, di mana buku-buku teks sebegini juga laris dijual.

Yang Berhormat di Persidangan Majlis Mesyuarat itu turut menekankan bahawa bagi mereka yang kurang berkemampuan untuk membeli buku teks, Kementerian Pendidikan, sejak lebih tiga tahun yang lalu telah pun diadakan peruntukan untuk membantu keluarga yang tidak berkemampuan melalui Skim Miftah An-Najaah.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan, bilangan mereka yang mendaftarkan diri dalam Skim



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Miftah An-Najaah untuk mendapatkan bantuan-bantuan peralatan sekolah, termasuklah pakaian sekolah dan sebagainya adalah sangat ramai.

Melalui Skim Miftah An-Najaah ini, ujar Yang Berhormat, mereka yang kurang berkemampuan boleh mendapatkan bantuan berkenaan dan usaha-usaha sebegini akan dapat mengelakkan masalah untuk mendapatkan buku-buku teks.

Prasarana pendidikan awal kanak-kanak terus dipertingkatkan

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad menyatakan bahawa satu pertemuan dengan pemimpin-pemimpin akar umbi bagi tujuan memberi kefahaman mengenai kajian pembelajaran awal kanak-kanak di bawah umur 15 tahun telah diadakan oleh beberapa mahasiswa-mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN 2015 pada hari keenam bagi sesi petang di Dewan Persidangan MMN.

"Pendidikan awal kanak-kanak ini sebahagian besarnya dikendalikan oleh sektor swasta. Dalam sektor

kerajaan, kita hanya memulakan dan telah pun memulakan bagi menawarkannya kepada pelajar-pelajar kanak-kanak berumur lima tahun. Kita akan meningkatkan prasarana pembinaan sekolah-sekolah rendah baharu dibuat, ia akan dilengkapi dengan prasarana pendidikan awal kanak-kanak," ujar Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Menyentuh mengenai pendidikan awal kanak-kanak, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar menyatakan bahawa laporan konsultasi sudah siap dibuat dan sekarang ia sedang diteliti oleh pihak

Kementerian Pendidikan.

Memandangkan sebahagian besar program ini dilaksanakan oleh pihak swasta, maka adalah lebih baik untuk ia terus berjalan seperti yang ada pada masa ini. Oleh itu, dalam memastikan ia memenuhi kualiti yang diperlukan, maka apa juga dapatan-dapatan yang diperolehi daripada laporan konsultasi ini akan dikongsikan dengan sektor swasta, tegas Yang Berhormat.

Pelaksanaan pendidikan awal secara menyeluruh akan melibatkan kos, iaitu kos dari segi infrastruktur, operasi dan sebagainya, di mana perkara ini perlu dinilai, menurut Yang Berhormat lagi.

Bagi mengulas pernyataan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bagi penerapan pengajaran dan pembelajaran asas seperti falsafah Melayu Islam Beraja, Negara Zikir dan sosiobudaya orang Brunei yang mudah difahami oleh kanak-kanak,



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

di samping mencontohi apa yang dibuat oleh negara luar. Yang Berhormat Menteri Pendidikan menegaskan bahawa asas-asas, nilai-nilai falsafah Melayu Islam Beraja, sosiobudaya, Negara Zikir semuanya termasuk dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak.

Maka usaha memantau dan memastikan perkara ini berjalan di institusi-institusi pendidikan adalah usaha bersama, ujar Yang Berhormat lagi.

Kesejahteraan rakyat luar bandar diberi perhatian



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Pembangunan kawasan-kawasan luar bandar menjadi perhatian pihak kerajaan dengan tidak mengabaikan kesejahteraan kehidupan rakyat dan penduduk di dalamnya.

Kitani mengetahui bekalan elektrik dan air disalurkan ke kawasan-kawasan luar bandar seperti sekolah-sekolah bangunan kerajaan, masjid, balai polis dan sebagainya. Bagaimanapun, memanglah pembangunan itu tidak semak-samun yang diharapkan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyatakan perkara tersebut bagi menjawab isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad yang mewakili Daerah Belait daripada Zon Pedalaman pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diadakan di Bangunan MMN, di sini.

Bagi mencapai maksud yang dikehendaki, jelas Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) satu peruntukan untuk menaik taraf jalan-jalan raya, iaitu jalan dari Buau hingga ke Mukim Melilas sepanjang 25 kilometer yang meliputi Kampung Buau ke Kampung Sukang sepanjang 10.3km.

Jelasnya, jalan menuju ke rumah Panjang Bandung Ulu sepanjang dua dua kilometer dan dari Kampung Sukang ke Kampung Melilas sepanjang 12.7km.

Kesemua projek ini, terang Yang Berhormat, sudah pun ditawarkan dan dalam penilaian pihak Jabatan Kerja Raya dan jika jalan-jalan raya tersebut siap dibina maka rakyat dan penduduk di kawasan-kawasan yang berkenaan akan mudah berulang alik dan bergerak dengan lebih selesa, lebih cepat dan segala hasil dari kawasan-kawasan berkenaan dapat dipasarkan ke bandar umpamanya.

"Sayugia juga dimaklumkan bahawa kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk luar bandar akan selalu tetap dijaga dan diambil perhatian. Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang telah dimaklumi oleh dewan ini, iaitu Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar yang terdiri daripada beberapa agensi kerajaan yang antara lain bertanggungjawab dan peranannya ialah untuk menilai keadaan dan persekitaran kawasan-kawasan luar bandar dari segi keperluan kepada pelbagai bentuk pembangunan yang diperlukan bagi kesejahteraan hidup serta pembangunan sosial ekonomi masyarakat luar bandar.

"Menyelaraskan berbagai-bagai

agensi yang berkenaan dalam membuat perancangan pembangunan yang diperlukan di kawasan luar bandar sama ada dalam bentuk pendek, sederhana dan jangka panjang bagi memastikan perancangan yang dijangka akan dilaksanakan dengan sempurna," terang Yang Berhormat.

Menyentuh dengan istilah luar bandar, jelas Yang Berhormat, jawatankuasa ini telah mengkategorikan Daerah Brunei Muara walaupun semua kemudahan asas dibekalkan ke setiap kawasan namun jawatankuasa tersebut mengenal pasti lima kawasan terdiri Kampung Puduk, Mukim Kota Batu; Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu; Kampung Lumapas, Mukim Lumapas; Kampung Bebuloh, Mukim Pangkalan Batu dan Kampung Limau Manis dan Kampung Kuala Lurah, Mukim Pangkalan Batu.

Sementara di Daerah Belait, hampir semua mukim dengan mengenal pasti sembilan buah kampung terdiri dari Kampung Benutan, Mukim Rambai; Kampung Belabau, Mukim Rambai; Kampung Sukun Besar, Mukim Rambai; Kampung Sukun Kecil Mukim Rambai; Kampung Mapul, Mukim Rambai; Kampung Merimbun, Mukim Rambai; Kampung Bukit, Mukim Ukong; Kampung Longmayan, Mukim Ukong dan Kampung Ukong, Mukim Ukong.

Manakala di Daerah Temburong terdapat empat mukim iaitu: Mukim Amo, Mukim Bokok, Mukim Batu Apoi dan Mukim Labu.

Pada permesyuaratan tersebut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan, pada masa ini Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar sudah di peringkat terakhir menyiapkan laporannya dengan membutirkan segala rancangan-rancangan yang terperinci serta ia akan menjadi panduan pada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan apabila diluluskan nanti ia akan menjadi *road map* pembangunan luar bandar.

Daerah Temburong bakal punyai terminal bas



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Tapak hospital lama yang berkeluasan 0.4 hektar berdekatan dengan Pusat Belia dan Sukan, Pekan Bangar telah dikenal pasti bagi pembinaan Terminal Bas di Daerah Temburong yang kini dalam proses perwartaan.

Pembinaan Terminal Bas tersebut yang dijangka menelan belanja sekitar BND2 - 3 juta dengan peruntukannya akan dipohonkan melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, tahun 2017 hingga 2018.

Kenyataan tersebut dibuat oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar bagi memberi respon ke atas soalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Mesyuarat Negara (MMN) yang diadakan di Bangunan MMN.

"Pada masa yang sama, Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat sedang meneliti penglibatan sektor swasta dalam pembinaan terminal ini yang dipanggil Private Public Partnership (PPP), 'Expression Interest' akan dikeluarkan dan sekiranya daripada *expression interest* menunjukkan *viability* yang baik untuk projek ini, Kementerian Perhubungan akan mengambil keputusan untuk melaksanakan pembinaan terminal ini secara PPP," terang Yang Berhormat.

Berbangkit mengenai soalan kedudukan laluan perhentian bas di semua mukim di Daerah Temburong, Menteri Perhubungan menjelaskan bahawa bermula Oktober tahun lalu pihak JPD telah membuat *viability study* dengan rancangan untuk memperkenalkan perkhidmatan bas tersebut.

Namun hasil kajian awal, terang Yang Berhormat, telah menunjukkan sambutan baik orang ramai yang terdiri daripada penduduk tetap dan pelancong di daerah berkenaan dengan tiga laluan telah dikenal pasti bagi seluruh Daerah Temburong.

Laluan tersebut, jelas Yang Berhormat, iaitu Laluan 1, Puni. Kampung Labu, Laluan 2, Laluan Batang Duri, Kampung Menengah dan Laluan 3, Laluan Belais - Rataia.

Menurut Yang Berhormat hasil daripada kajian juga menunjukkan potensi untuk mengadakan lebih kurang 60 perhentian bas di sepanjang jalan laluan berkenaan.

BND6 juta diperuntukkan penaiktarafan Pos Kawalan Labu



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 MAC. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berkata, penaiktarafan Pos Kawalan Labu, Daerah Temburong merupakan salah satu rancangan di dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 dengan peruntukan BND6 juta.

Bagi pelaksanaannya, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan telah berunding bagi mengumpulkan maklumat daripada pasukan yang diperlukan dari semua agensi yang akan turut sama berfungsi di pos

kawalan tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan perkara tersebut bagi menjawab isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad yang menyentuh mengenai status pelaksanaan rancangan untuk menaik taraf Bangunan Pos Kawalan Labu dan Pos Kawalan Kuala Lurah pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang diadakan di Bangunan MMN, di sini.

Jelas Yang Berhormat, seperti dijangkakan projek menaik taraf akan dapat diteruskan yang mana

selama ini menghadapi pelbagai halangan dari segi kondisi tanah yang berbukit.

Seperti yang diketahui jelas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, lokasinya juga berhampiran dengan sempadan justeru pada umumnya, Bangunan Pos Kawalan Labu tersebut akan dibina berpanduan kompleks kawalan dan pemeriksaan Ujung Jalan, Sungai Pandaruan, Temburong.

"Ia akan mengambil kira kesesuaian dan keperluan bagi semua agensi yang bertugas di Pos Kawalan Labu yang dijangka bertambah aktif, bertambah sibuk apabila jambatan menyeberang ke Temburong siap nanti," terang Yang Berhormat.

Sementara itu, mengenai Pos Kawalan Kuala Lurah Yang Berhormat menerangkan bahawa ia memang dirancang.

"Ia memang dirancang juga

untuk dinaik taraf menjadi sebuah kompleks yang lengkap. Dalam masa yang sama, rancangan-rancangan itu belum dapat dilaksanakan. Pos kawalan itu sentiasa dipelihara sesuai dengan statusnya sebagai pos sementara," ungkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Rancangan menaik tarafnya itu akan mengambil kira dan penyesuaian lokasi di kawasan yang ada sekarang, iaitu bagi menampung sebuah kompleks pos kawalan yang lengkap untuk semua agensi yang menggunakannya, bukan sahaja agensi yang bertugas untuk memeriksa passport, memeriksa orang keluar masuk sempadan, tetapi juga oleh semua agensi dan sebagainya.

Oleh itu, pada masa ini kawasan yang dikira tidak mencukupi dan perlu diluaskan untuk sebuah pos kawalan tersebut dapat dinaik taraf sebagaimana dikehendaki.

Syarikat penuh spekulasi tawaran diutamakan



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Pemberian tawaran tidaklah diberikan kepada satu-satu pihak sahaja, tetapi ia lebih diberikan kepada syarikat-syarikat yang memenuhi spekulasi tawaran



yang diluluskan.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, pemberian tawaran kepada syarikat-syarikat lazimnya banyak berpihak kepada memenuhi kriteria utama, iaitu *value for money* atau harga yang ditawarkan adalah berpatutan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM ketika menjawab persoalan yang dikemukakan oleh ahli yang dilantik dari Daerah Tutong, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit ketika Persidangan MMN yang membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan 2015 / 2016, ketika bersidang di Peringkat Jawatankuasa pada hari keenam di Bangunan MMN.

Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM menambah, kriteria juga mengambil kira cadangan teknikal yang ditawarkan berdasarkan skop dan spesifikasi kerja yang ditawarkan, manakala spesifikasi teknikal akan mengambil kira kualiti barangan atau perkhidmatan, *deliverable* dan sebagainya.

Kriteria-kriteria lain juga turut diberi perhatian, jelas Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM, antaranya mempunyai *track record* dan prestasi yang baik dalam tawaran, keupayaan kewangan, keupayaan pengurusan dan syarikat-syarikat tersebut adalah tidak ditegah.

Mengulas mengenai pertanyaan tentang beberapa kes syarikat-syarikat yang berjaya telah

YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Laporan : Norlia Md. Zain
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

mensubkan kepada syarikat-syarikat lain, perkara ini memang ada berlaku, ujar Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM tetapi perkara ini adalah tertakluk kepada perjanjian-perjanjian antara *main contractor* dengan *sub-contractor*.

"Kita sukar membuat pemantauan-pemantauan mengenai perkara ini. Di samping perkara ini berlaku *main contractor* juga sebenarnya mempunyai cara-cara yang tersendiri melaksanakan, kerja-kerja yang dilaksanakan misalnya sekiranya kerja-kerja yang besar-banyaklah *contractor* atau *sub-contractor* yang akan disubkan kepada *contractor* dari tempatan dan sebagainya," ujar Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM.

Pada sesi perbincangan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan 2015 / 2016, ketika bersidang di Peringkat Jawatankuasa itu juga, antara perkara lain turut dibangkitkan ialah sumber dana bagi menampung defisit BND2.2 bilion oleh ahli yang dilantik dalam kalangan Orang-Orang Bergelar, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal dan ahli yang dilantik dalam kalangan Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morsidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Menjawab persoalan tersebut, Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM menjelaskan, dengan kepimpinan dan kebijaksanaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan adanya harga minyak yang begitu menggalakkan sepanjang beberapa tahun lepas, di samping dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menghadkan perbelanjaan kepada jumlah yang benar-benar difikirkan boleh kita laksanakan, dengan keadaan tersebut, negara kita dapat mengumpul sebahagian *surplus* daripada lebih-lebih hasil yang telah kita dapati pada tahun-tahun yang lepas.

Sebab itulah kata Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM, kita sekurang-kurangnya dapat menampung *defisit* itu, akan tetapi hasil-hasil *surplus* itu belum lagi berapanya banyak dan dapat mencukupi untuk kita bertahan dalam jangka waktu yang lama.

"Kita berharap insyaaAllah, mudah-mudahan dalam setahun atau dua tahun yang akan datang ini harga minyak ini dan juga *production* kita akan dapat meningkat dan sekurang-kurangnya kita akan dapat menampung perbelanjaan-perbelanjaan itu," terang Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM.

Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM berkata, kebanyakan aktiviti-aktiviti ekonomi negara ini datangnya daripada perbelanjaan kerajaan, maka walaupun kita menghadapi defisit belanjawan, kita perlu juga berbelanja untuk menampung agar aktiviti-aktiviti ekonomi itu dapat berjalan tanpa



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

banyak gangguan untuk memberikan pekerjaan, aktiviti-aktiviti yang lain terutamanya dari segi kepelbagaian ekonomi dan sebagainya.

Oleh itu, kata Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM walaupun keadaan hasil negara mencabar pada tahun ini, namun kita perlu juga berusaha untuk memelihara aktiviti-aktiviti ekonomi kita itu supaya ia tidak jauh terjejas.

"Kita perlu terus memelihara untuk aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini akan berjalan walaupun mungkin akan sedikit kurang, tetapi tidaklah sekurang yang akan menjejaskan dari segi aktiviti-aktiviti tersebut dan juga *creation of employment* di negara ini," tegas Yang Berhormat.

e-payment kurangkan tunggakan orang ramai

Laporan : Norlia Md. Zain
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Sistem *e-payment* yang telah dilancarkan oleh Jabatan Perbendaharaan bermula 29 Januari 2014, telah membolehkan pembayaran kerajaan dibuat secara *online* melalui *one secure e-payment gateway*.

E-payment gateway ini mula beroperasi dengan melibatkan tiga agensi kerajaan yang mengutip hasil iaitu Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Pos dan Bahagian Hasil di Kementerian Kewangan serta empat buah institusi kewangan, iaitu BIBD, Baiduri, HSBC dan SCB.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim ketika menjawab persoalan yang dikemukakan oleh ahli yang dilantik dari Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad mengenai perkhidmatan pembayaran bil secara *online* pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan 2015 / 2016, ketika bersidang di Peringkat Jawatankuasa pada hari keenam di Bangunan MMN.

Antara objektif *e-payment* ini, jelas Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM ialah memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membuat pembayaran perkhidmatan secara *online*, membolehkan pengendalian pembayaran bil dan penyelarasan bil kerajaan secara elektronik,



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad.

mengadakan kemudahan *bill presentation* dan penyatuan bil kerajaan secara *online* dan secara tidak langsung projek ini juga mengurangkan tunggakan orang ramai kepada kerajaan.

Perkara-perkara ini, ujar Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM dapat dipertingkatkan lagi dengan adanya *e-payment gateway* seperti pembayaran seperti melalui *direct account transfer* diperbolehkan, proses dan sistem kutipan hasil di agensi yang terlihat sekali gus perlu diautomasikan dengan sepenuhnya, aliran informasi lebih tepat dan cepat, informasi mengenai pembayaran dari luar negeri (*foreign cheque and telegraph transfer*) disalurkan kepada agensi pengutip

hasil dengan lebih cepat dan setiap kesalahan boleh dikesan lebih cepat juga.

Agensi yang terlibat, juga ujar Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM tidak diperlukan menyediakan laporan buku tunai dan penyata pemungut untuk dihantar ke Jabatan

Perbendaharaan.

Pembayaran *merchant discount rate* dibuat secara automatik melalui *e-payment* kepada TAFIS dan sebagainya.

Terdahulu, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie berkata, selain menerima pembayaran cukai

korporat secara *online* melalui *e-payment gateway* Jabatan Perbendaharaan, bilakah Jabatan Perbendaharaan dapat menerima ataupun melatarkan pembayaran secara *online* bagi pembayaran perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Caruman TAP, SCP sentiasa dikaji

Laporan : Norlia Md. Zain
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Kementerian Kewangan dan juga Tabung Amanah Pekerja (TAP), sentiasa mengkaji caruman Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Caruman Pekerja (SCP) terutamanya dari implikasi terhadap orang ramai dan pekerja, majikan dan sebagainya.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim ketika menjawab persoalan yang dikemukakan oleh ahli yang dilantik dalam kalangan Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan 2015 / 2016, yang bersidang di Peringkat Jawatankuasa pada hari keenam di Bangunan MMN.

Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM menambah, pihaknya akan membuat kajian-kajian terperinci mengenai perkara ini agar ia akan dapat menghasilkan *win-win situation* kepada semua pihak misalnya kepada majikan, pekerja dan yang lain-lain.

Terdahulu, Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli berkata, sejak pelaksanaan TAP 20 tahun lalu, tidak terdapat peningkatan caruman, selain pelaksanaan SCP pada tahun 2010.

Jelas Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli, janganlah keadaan ekonomi sekarang dijadikan penghalang untuk kita menabung lebih awal demi masa depan dan perkara ini dilihat sesuai dalam usaha menggalakkan sikap menabung dalam kalangan para pekerja.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli menyarankan agar kadar caruman TAP dan SCP ditambah mulai tahun hadapan iaitu bagi pekerja yang baharu berkhidmat



YANG Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

sahaja.

Walaupun terdapat skim Caruman Tambahan Sukarela pada masa ini, kata Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli, akan tetapi tambahan menabung adalah lebih berkesan jika caruman lebih tinggi dijadikan sebagai *mandatory* dan bukan sebagai pilihan.

"Jumlah kenaikan caruman adalah mengikut kadar yang bersesuaian dengan kajian yang akan dijalankan oleh pihak-pihak berwajib," katanya.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 11 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan mengenai pembantu rumah di negara ini yang tidak pernah selesai.

Bagi mengatasi permasalahan pembantu rumah ini, menurut Yang Berhormat, pelbagai usaha baik telah dilaksanakan khususnya dengan negara yang terlibat membekalkan tenaga pembantu rumah ke Negara Brunei Darussalam seperti negara Republik Indonesia, walaupun pelbagai permasalahan timbul yang melibatkan kedutaan negara tersebut di negara ini dan Jabatan Buruh.

Walau bagaimanapun hasil perjumpaan yang dilakukan, jelas Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mengadakan satu MoU dengan pihak Indonesia dalam perkara pembantu rumah ini sahaja tetapi pihak Indonesia mahukan MoU itu meliputi semua pekerja tetapi di Brunei hanya mahu dihadkan kepada pembantu rumah sahaja.

Usaha seterusnya ialah untuk MoU itu diadakan pada tahun lepas, tapi oleh sebab perkembangan yang terjadi di Republik Indonesia, pertukaran menteri dan sebagainya maka perkara itu telah ditangguhkan dan ia akan diteruskan oleh menteri yang baru-baru ini menyertai rombongan Presiden Republik Indonesia ke Brunei dan berjanji untuk melihat perkara ini diteruskan. Pihak Indonesia

Masalah pembantu rumah: MoU akan diteruskan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

memberitahu kepada Jabatan Buruh untuk meneruskannya pada satu masa nanti bagi merundingkan perkara-perkara yang penting dalam MoU itu, jelas Yang Berhormat.

Sebelum ini, jelas Yang Berhormat, permasalahan yang sering timbul ialah bila mana amah itu datang ke Brunei dan bekerja sekejap dan majikan tidak menghantar dia balik. Perkara ini merugikan, dan hal-hal inilah yang akan dimasukkan ataupun yang akan cuba *regulate* dalam MoU tersebut.



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad.

Tujuan MoU itu ialah untuk menjaga kepentingan majikan dan menjaga kepentingan pekerja serta mengatur tatacara yang dilakukan oleh agensi-agensi pekerjaan.

Pentingnya ditegaskan, ialah pekerja dari Republik Indonesia sebenarnya adalah orang yang memerlukan pekerjaan. Mereka boleh dikatakan orang-orang yang susah, jelas Yang Berhormat.

Dalam hal ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sudah pun menegaskan kepada pihak Republik Indonesia, agar jangan sampai mereka yang susah bertambah susah kerana dikenakan beberapa caj. Orang ramai yang akan mengambil amah dari Indonesia, misalnya melalui agensi pekerjaan akan membayar antara BND2,500 - BND2,800. Usaha ini ialah untuk mengadakan *ceiling charge* mengenai perkara ini.

“Ada sebutan caj-caj yang dikenakan oleh agensi pekerjaan di Indonesia. Apa sahaja perkhidmatan yang mengharuskan pekerja itu untuk membayar sedemikian dan akibatnya ialah kepada majikan yang menghendakinya datang. Jangan sampai seolah-olah dalam sistem yang kitani adakan secara ‘legal’ ini mereka ini terpaksa berhutang seolah-olah mereka masuk secara *il-legal*, diseludup dan untuk penyeludupan itu mereka membayar sekian-sekian,” tegas Yang



YANG Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim.

Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan, bahawa secara teratur apa juga *item-item* yang dicaj itu mestilah dinyatakan dengan *transparent* kepada mereka. Dan sebagai majikan di negara ini, perlu membuat perjanjian dengan agensi-agensi yang berlesen agar tidak timbul permasalahan dan pihak agensi dan majikan tidak mengalami kerugian.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menjelaskan demikian ketika menjawab isu pembantu rumah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Bangunan Dewan MMN, di sini.

Dalam majlis itu, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie membangkitkan mengenai isu pembantu rumah atau amah yang masih menghantui para majikan di negara ini, kerana sesetengah pembantu rumah membuat masalah minta dihantar pulang atas bermacam-macam alasan sebelum tempoh perkhidmatan mereka berakhir.

Perkara yang sama telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim mengenai pembantu rumah yang pada masa ini pengambilan pembantu rumah adalah mencapai kepada BND3,000 seorang untuk mendapatkan khidmat bantu daripada ejen-ejen pembekal pembantu rumah.

Bagi menjawab isu yang ditimbulkan, Yang Berhormat

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan, bahawa mengenai pengambilan pembantu rumah yang mencapai kepada BND3,000, adalah disebabkan usaha Jabatan Buruh untuk mengenakan *ceiling charge* yang patut dikenakan oleh agensi-agensi pekerjaan dan *ceiling charge* ini untuk ditentukan bagi menghendaki peruntukan undang-undang.

Dalam peringkat ini, menurut Yang Berhormat, peruntukan undang-undang sedang digubal oleh Jabatan Buruh dan berusaha kuat dengan bantuan daripada Jabatan Peguam Negara untuk memperundangkan mengenai caj-caj yang akan dikenakan.

“Memanglah diketahui selama ini caj-caj itu tidak jelas dikenakan BND2,500, BND2,800 sampai BND3,000 sekarang ini. Jabatan Buruh sedang mengadakan formula-formulanya, jelasnya.

Menurut Yang Berhormat, formula itu antaranya, caj yang secara *itemize*, secara terperinci atau secara pakej. Setakat ini dalam *formula* Jabatan Buruh kalau caj yang perlu dikenakan bagi mendapatkan amah ini ialah, kalau secara pakej sebanyak BND800 tidak termasuk caj-caj yang dikenakan di luar negeri termasuk tambang, dan termasuk caj-caj daripada agensi-agensi.

“Kita berharap kalau nanti caj ini dapat dipakai sejumlah yang kaola sebutkan itu tadi. Katalah caj dari luar negeri juga sama sebanyak BND800 *plus* tiketnya jadi orang akan membayar sekitar BND2,000 sahaja iaitu termasuk servis yang diberikan oleh agensi-agensi ini berpatutan atau tidak dan kini telah diusahakan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Buruh,” jelas Yang Berhormat.

Rancang *Bruneiansation* jawat jawatan dalam syarikat

**Laporan : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hernie Suliana Haji Othman**



YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 11 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyarankan agar syarikat-syarikat di negara ini merancang secara berperingkat-peringkat untuk menempatkan anak-anak tempatan atau *Bruneiansation* untuk menjawat jawatan-jawatan dalam syarikat-syarikat mereka.

Perkara ini amat penting, berikutan tempoh tiga tahun permit bagi pekerja asing yang dicadangkan, yang kini sedang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di mana dalam dasar baharu pengambilan pekerja asing itu jika pekerja asing itu masih diperlukan lagi, dan tidak ada anak-anak tempatan yang dapat mengisi kekosongan dalam syarikat-syarikat berkenaan, maka mereka dibenarkan untuk mengambil, memasukkan pekerja asing, jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menjelaskan demikian ketika menjawab isu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Bangunan Dewan MMN, di sini.

Dalam majlis itu, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah memberikan beberapa cadangan tambahan kepada syarat-syarat yang ada dalam pengawalan pengambilan pekerja asing ini di negara ini, yang masih belum mencukupi.

Cadangan itu adalah bersesuaian

dengan yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyarankan Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja menyoal dalam Mesyuarat Dewan Majlis, tetapi juga untuk memberi cadangan-cadangan yang baik dan bernas dalam sama-sama memajukan negara ini.

Di antara cadangan Yang Berhormat adalah seperti yang berikut:

- * Tuan punya syarikat hendaklah menjalankan perniagaannya sendiri, jika ia melantik pekerja-pekerja asing untuk menguruskan perniagaannya, maka ia semestinya melantik pekerja-pekerja tempatan sebagai penolong pengurusnya. Permit pekerja asing tersebut dibenarkan bekerja hanya selama tiga tahun dan perमितnya tidak boleh disambung lagi. Jawatan pekerja asing ini diambil alih oleh pekerja tempatan;

- * Tuan punya syarikat hendaklah menunjukkan sumber-sumber kewangannya;

- * Tuan punya syarikat hendaklah bertanggungjawab di atas kehalalan barang-barang yang dijualnya;

- * Produk-produk perubatan termasuk makanan, *supplement* hendaklah mendapatkan sijil-sijil menjual produk-produk dari Kementerian Kesihatan dan dipamerkan di papan kenyataan; dan

- * Pekerja-pekerja asing yang

dibenarkan bekerja di Negara Brunei Darussalam dihadkan selama tiga tahun sahaja. Dalam masa yang sama, pekerja tempatan diambil bekerja dan dilatih untuk mengambil alih tugas-tugas yang dibuat oleh pekerja asing.

Dalam kesempatan itu Yang Berhormat mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas pindaan Lesen Rampaian kepada Business License Act Chapter 127-2015.

Akta ini, menurut Yang Berhormat telah mendukung dan memudahkan peniaga-peniaga mendapat Lesen Perniagaan dengan mengeluarkan permit khas, di samping memudahkan syarikat-syarikat yang baharu untuk mengambil pekerja asing dan mendapat permit khas dalam tempoh tujuh hari.

Walau bagaimanapun dasar pengawalan pekerja asing adalah mengikut zon-zon yang ditetapkan dan ini hanyalah bagi peniaga restoran, kedai-kedai runcit, peniaga kain dan tekstil. Dan sejak akta ini diluluskan pada 1 Januari 2015 Masihi, dalam masa dua minggu sebanyak 208 buah syarikat didaftarkan dan dikeluarkan Lesen Perniagaan.

Di samping itu Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah juga menyokong *statement* Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa pembukaan Job Fair 2015 Masihi, yang mengharapakan majikan-majikan

lebih *transparent* dalam kadar gaji yang ditawarkan, elaun-elaun, jumlah cuti dan kemudahan-kemudahan lain diberikan kepada pekerja tempatan atau yang lebih baik daripada tawaran yang diberikan kepada pekerja asing.

Yang Berhormat yakin semua dasar pengawalan pekerja asing ini bertujuan mengurangkan pekerja-pekerja asing dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk tetap di negara ini.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Buruh pada tahun 2013 Masihi, keramaian pekerja di sektor swasta ini ialah 141,850 orang iaitu 927 orang atau 64 peratus adalah pekerja asing, 40,620 orang atau 26 peratus rakyat Brunei dan 9,255 orang atau 65 peratus adalah penduduk tetap, jelas Yang Berhormat.

Ketika menjawab isu yang dicadangkan itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, menjelaskan tahniah itu bukan sahaja kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi juga kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sebagai minor dalam mengenai Pindaan Lesen Rampaian untuk memudahkan dan memulakan bisnes itu dan yang paling penting juga ialah Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri dan termasuk Jabatan Peguam Negara.

Mesti lulus peperiksaan bahasa



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 11 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan bahawa untuk mendapatkan kerakyatan di negara ini, syarat utamanya ialah penduduk

Laporan : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hernie Suliana Haji Othman

tetap yang telah menjalani ujian bertulis dan lisan mestilah lulus peperiksaan bahasa.

Walau bagaimanapun bagi mereka yang telah lulus bertahun-tahun akan tetapi tidak menerima sijil tidak semestinya sudah boleh diterima sebagai rakyat. Banyak lagi faktor yang perlu dilihat seperti keselamatan dan sebagainya, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa memang dalam setahun yang terakhir ini penduduk tetap tidak banyak bilangannya yang layak untuk dikurniakan taraf kerakyatan. Ini disebabkan antara lain ianya negara perlu berhati-hati untuk memberikan taraf kerakyatan.

“Kerakyatan terus berjalan seperti biasa bagi anak angkat kepada ibu warganegara Brunei, suami atau isteri

warganegara asing. Mengenai penduduk tetap ini memanglah kitani terpaksa berhati-hati. Mereka tidak beranggapan jika sudah lulus peperiksaan mereka akan mendapat kerakyatan dan sebenarnya kaola ingin menyatakan berhubung kenyataan kaola dalam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang lalu bahawa kerakyatan itu bukanlah satu hak orang yang memohon. Negara akan memberikan kerakyatan mengikut syarat-syarat yang membolehkan mereka dipertimbangkan,” tegas Yang Berhormat.

Untuk menjadi rakyat itu negara sendiri yang perlu dipertimbangkan bahawa ia dapat diterima sebagai rakyat mengikut perhitungan-perhitungan dan pertimbangan-pertimbangan di bawah syarat-syarat

undang-undang yang ada, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan demikian pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas MMN yang bersidang pada hari kelima di Bangunan Dewan MMN di sini, iaitu ketika menjawab isu mengenai dengan Sijil Kerakyatan beberapa warga penduduk tetap yang telah menjalani ujian bertulis dan lisan bagi mendapatkan status Kerakyatan Negara Brunei Darussalam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Menurut Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee ada antara mereka telah pun menerima surat dari jabatan yang berkenaan mengatakan mereka telah lulus ujian tetapi hamper dua tahun berlalu tiada Sijil Kerakyatan dikeluarkan dan ada antara penduduk tetap itu telah pun meninggal dunia.

Pingat sebagai tanda penghargaan

Laporan : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 11 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan mengenai Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) belum ada yang mendapat pingat sebagai tanda penghargaan.

Menurut Yang Berhormat, perkara tersebut memang tidak dipertikaikan kerana setiap orang rakyat dari negara ini yang berjasa yang mempunyai perkhidmatan, apa lagi dalam perkhidmatan sukarela seperti Ahli MPMK ini, memang layak untuk dipertimbangkan mendapat pingat.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat untuk mendapat pertimbangan dan mendapat kelulusan sebagaimana yang dikehendaki, dan ia bergantung pada beberapa syarat-syarat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Menimbang Penghargaan Bintang-Bintang Kehormatan dan Pingat-Pingat Kebesaran.

Yang Berhormat menjelaskan demikian ketika menjawab isu penganugerahan pingat sebagai mengenang jasa bakti mereka terhadap masyarakat di mukim dan kampung yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, yang mewakili Daerah Belait pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas MMN yang bersidang pada hari kelima di Bangunan Dewan MMN, di sini.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee menyuarakan isu tersebut memandangkan kepada sumbangan ahli-ahli MPMK di seluruh negara yang menceburkan diri bergiat dalam semua aktiviti tanpa mengira sebarang imbuhan atau insentif.

Lebih-lebih lagi pada akhir-akhir ini ahli-ahli MPMK terlibat sama dalam kegiatan Pengawasan



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Kejiranan Kampung. Membantu anggota Pasukan Polis Diraja Brunei membuat rondaan dan pemantauan keselamatan di mukim dan kampung.

Yang Berhormat mencadangkan agar ahli-ahli MPMK tersebut dianugerahi pingat sebagai mengenang jasa bakti mereka terhadap masyarakat di mukim dan kampung.

“Ada antara mereka ini lebih dari 10 tahun menceburkan diri di dalam MPMK. Setiap tahun penghulu dan ketua kampung diminta menghadapkan sokongan terhadap ahli-ahli MPMK mereka untuk dipertimbangkan mendapat pingat. Namun, belum seorang pun ahli MPMK khususnya di Daerah Belait sepanjang yang diketahui bernasib baik,” jelas Yang Berhormat.

Dalam permesyuaratan itu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyuarakan akan menyiasat perkara ini, sejauh mana nama-nama yang diajukan oleh ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu di daerah-daerah, sampai ke kementeriankah atau tidak.

Lebih 5,000 diberikan FTP

Laporan : Norlia Md. Zain
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Seramai 5,768 orang telah diberikan Pasport Perjalanan Kerap (Frequent Traveller Passport-FTP) dan disahkan pemberian ini oleh kedua-dua belah pihak iaitu Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyatakan perkara tersebut ketika Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang

membincangkan Rang Undang-Undang (2015) Perbekalan 2015/2016, ketika bersidang di Peringkat Jawatankuasa pada hari keenam di Bangunan MMN.

Pada masa ini, menurut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, perancangan telah pun dibuat untuk menggunakan FTP di Labu dan Lawas malahan juga di Serasa dan Labuan.

“Perkara ini akan dibincangkan kedua belah pihak berkenaan iaitu Imigresen Brunei dan Malaysia dalam sedikit masa lagi,” jelas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Menyentuh mengenai tempoh pasport lima tahun, namun enam bulan sebelum genap lima tahun

sudah tidak dapat digunakan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan perkara ini bukanlah kehendak pihak JIPK ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

“Ini adalah praktis antarabangsa. Pasport kegunaannya untuk perjalanan keluar masuk sempadan dari sebuah negeri ke sebuah negeri. Perjalanan itu memerlukan aturan-aturan pengangkutan,” tegas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Antara aturan pengangkutan yang diwajibkan untuk diikuti oleh semua negeri, kata Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ialah International Civil Aviation Organization (Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa) yang mensyaratkan pasport dikira sah enam bulan sebelum mansuhnya dan kalau ada tempoh sedemikian itu, maka ia tidak dapat lagi dipergunakan dan hendaklah diperbaharui.



AHLI-AHLI Yang Berhormat mengangkat tangan sebagai tanaa bersetuju dengan isu-isu yang dibincangkan di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN).



قعهجرهن MINDSET

أية این مپارنکن کیت اکر سنتیاس بروسقادا، برجیمة جرمة دان سنتیاس برسیاف سیاک مپدیاکن بکالن انتوق کفرلوان سوقت کیت ممرلوکنن ننئی.

مسلمین یغ درحمئی الله،

تیته کباوه دولی یغ مها ملیا فادک سری بکندا سلطان دان یغ دفرتوان ترسیوت اداله ساتو سروان یغ مورنی دان فرلو دجونوگ دان دلقسنانک اوله کیت سموا کران برأوسها ایت دفرنتهکن اوله اکام اسلام. دالم فرکارا برأوسها انتوق منوهی کفرلوان کهدیوئن این، کیت فانتوتله منجادیکن رسول الله صلی الله علیه وسلم سباکی قُدوة حَسَنَة یایت جنتوه ایکوتن یغ بایک دمان بکندا مروفاکن سئورغ اوسهاون دغن منجالنکن فرنیکان سیدتنا خدیجة کنکری شام.

أوله یغ دمکن جاغلله کیت هاڻ بریدیم دیری، برفلوق توبوه تنقا برأوسها کران اورغ اسلام یغ قوه برأوسها ایت لبه دسوکای اوله الله سبحانه وتعالی، سباکیمان دالم سبواه حدیث:

مقصودن:

دری أبو هريرة رضی الله عنه کاتن، رسول الله صلی الله علیه وسلم برسیدا: مؤمن یغ قوا ایت لبه بایک دان لبه دجینتای الله درفد مؤمن یغ لم.

کنهویله، سسیاف یغ برأوسها دغن کیکیه، ای قسني اکن منداقة حاصل دان کجیان، سقرتمان قُفاته عرب اد مپوتکن " مَنْ جَدَّ وَجَدَّ " اُرتین سیاف یغ برأوسها ای قسني اکن برجای.

أوله ایت، کیت سلاکو رعية فرلوه مپوکوغ سفنوهن اوسها کراجان دالم منیغکنکن کستاییلن سوسبو ایکونومی نکارا. آخرن ماريله کیت بردعاء سموک راج، رعية، بغسا دان اکام کیت اکن تروس دبرکتی اوله الله سبحانه وتعالی دان کیت سموا دجاوهکن دری مصیبه دان بلاء بنجان. آمین یا رب العالمین.

تفسیرن:

دان باکی تیف ۲ مانسی اتو جن ایت دسداکن درجه ۲ (تیغکاتن بالسن سسوی دغن اف) یغ مریک تله کرجاکن. دان توهنمو تیدق لالی ترهادف اف یغ مریک کرجاکن.

دغن کفنداین دان کماهیران یغ الله کرنیانک ایتله، نبی داود علیه السلام تله منجادیکن کفنداین دان کماهیرانن سباکی توکغ بسی ایت منجادی سومیر مات فنجارین هارین بکندا دان ممان دری حاصلین، قد حال نبی داود علیه السلام اداله سئورغ نبی دان راج. حال این جوک تله دجلسکن اوله رسول الله صلی الله علیه وسلم دالم سبواه حدیث، درفد أبو هريرة رضی الله عنه، رسول الله صلی الله علیه وسلم برسیدا:

مقصودن:

سسغکوهن نبی داود تیدق ماکن کجوالی دری حاصل جریه فایهن سندیری " .

درفد حدیث این دافه کیت أمبیل فُعاجران بتاف سئورغ نبی فون دنتوت برأوسها انتوق منجاری نفقه سهارینن. بکیتوله جوک سفاتوتن کیت.

مسلمین یغ درحمئی الله،

دجلس إستعادة فمبوکان رسمی ایت جوک، کباوه دولی یغ مها ملیا فادک سری بکندا سلطان دان یغ دفرتوان نکارا برونی دارالسلام برتیته مغنای فرلو کیت مغلکنک داسر کستاییلن فیسکل (fiscal) یغ اکن مپوهکن نکارا منجیمکن فربلنجان دان ممقو انتوق منابوغ لبیهن فنداقتن باکی منمقوغ فرأونتوقن ۲ دوقت کیت ممرلوکن. سیکف منابوغ اداله ساتو صفة یغ ترغوجی دان فانتوت منجادی عمالن خصوصن دالم فُغوروسن فربلنجان دفریغه ایندییدو دان کلوارک. عمالن برجیمة جرمة این جوک اد دجلسکن دالم القرعان دالم سورة يوسف آية ۴۷-۴۸:

تفسیرن:

نبی یوسف برکات: هندقله کامو برجوجوق تانم سفرت ییاس سلما توجه تاهون برتوروت ۲، کمیدن اف یغ کامو توای بیارکنله ای قد تغکی ۲ (سفای ای تیدق جقة روسق) کجوالی سدیکیت انتوق کامو ماکن". کمیدن اکن داتغ سسوده ایت توجه تاهون موسیم کماراو یغ دهشة یغ اکن مغهایسکن بکالن مکانن یغ کامو سداکن انتوق مغهادفین کجوالی سدیکیت درفد اف یغ کامو سیمقن (انتوق دجادیکن بنیه).

ماريله کیت منیغکنکن کتقوان کیت کفد الله سبحانه وتعالی دغن فنه کیقینن دان کجخالصن دغن ملاکوکن سکل سوروهنن دان منیغکنکن سکل لاراغنن. مدهمداهن کیت منجادی انسان یغ برلمان دان برتقوی سرت سلامة ددنیا دان سلامة دآخرة.

مسلمین یغ درحمئی الله،

راس شکور کیت فنجکنکن کحضرة الله سبحانه وتعالی کران نکارا کیت ممفویای سئورغ راج یغ بنر ۲ فریهااتن دان سنتیاس میکیرکن کجیقن رعیتن. بارو ۲ این مجلس مشواره نکارا برسیدغ لاکي دان قد هاری إستعادة فمبوکان رسمی، مشواره فرنام دری موسیم فرمشوارتن کسبلس مجلس مشواره نکارا ۲۰۱۵، کباوه دولی یغ مها ملیا فادک سری بکندا سلطان حاج حسن البلقیة معز الدین والدولة ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدین، سلطان دان یغ دفرتوان نکارا برونی دارالسلام برتیته منکنکن اکر کیت سلاکو رعية ملاکوکن فروباهن جارا برفیکر اتو قُعهجرهن MINDSET، درفد سوک برکنتوغ کفد بتوان سمات ۲ سفای برألیه کفد لبه بریدیکاری دان برأوسها.

سارائن بکندا انتوق بریدیکاری دان برأوسها این برتقن دغن اف یغ دفرنتهکن الله سبحانه وتعالی کفد همبا ۲. سباکی جنتوه نبی داود علیه السلام، الله سبحانه وتعالی تله مغنیانکن کممقوان مموات باجو ۲ بسی کفد بکندا سباکیمان فرمان الله سبحانه وتعالی دالم سورة الانبياء آية ۸۰:

تفسیرن:

دان کامی تله مغاگرکنن (نبی داود) جارا مموات باجو بسی باکی کامو انتوق منجاک کسلامن کامو دالم ففراغن مک اداکه کامو برشکور؟ فرمان الله سبحانه وتعالی لاکي دالم سورة سباء آية ۱۰-۱۱:

تفسیرن:

دان دمی سسغکوهن کامی تله مغورنیانکن کفد نبی داود لیمقه کرنیا دری کامی، (کامی برفرمان) : " هي کونوغ کانغ دان بوروغ ۱۲ برتسیح له برسام ۲ نبی داود، " دان کامی جوک تله ملمبوتکن بسی باکین. (سرت کامی وحوکن کفدان) " بواتله باجو ۲ بسی یغ لابه دان اُوکورله جالیننن سقدر یغ دکهندقی دان کرجاکنله عمل صالح. سسغکوهن اکو مها ملیت اف یغ کامو کرجاکن".



Sejarah matawang Brunei di Galeri AMBD

Rencana dan Foto : Sumbangan AMBD

GALERI Matawang Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah disempurnakan pembukaannya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah pada 17 Januari 2006.

Keistimewaan Galeri matawang ini mempamerkan sejarah matawang Negara Brunei Darussalam dari zaman awal hingga sekarang.

Antaranya ialah Duit syiling pertama yang digunakan pada zaman Brunei Tua adalah duit syiling dari negara China yang dipanggil *Pitis* atau *Kue*. Ini mencerminkan hubungan rapat Negara Brunei Darussalam dengan China sejak dahulu kala.

Duit syiling pada zaman awal Kesultanan Brunei dibuat daripada

timah dan dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu duit syiling timah dengan gelaran kehormat, duit syiling timah tanpa inskripsi dan duit syiling timah dengan nama Sultan.

Adalah agak sukar untuk memastikan bila duit syiling timah mula dikeluarkan dan digunakan. Bagaimanapun, duit syiling timah dengan tulisan 'Malikul Adil' dikeluarkan pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalilul Akbar, Sultan Negara Brunei Darussalam yang Ke-10 (1598 - 1659) menjadikannya sebagai duit syiling jenis timah yang terawal dikeluarkan di dalam sejarah dan perkembangan matawang Negara Brunei Darussalam.

Wang kertas dan syiling-syiling yang dikeluarkan oleh The Board of Commissioners of Currency Malaya telah digunakan sebelum dan selepas

Perang Dunia Ke-Dua. Pada 1 Januari 1952, The Board of Commissioners of Currency Malaya telah diperlembagakan semula sebagai The Board of Commissioners of Currency Malaya and British Borneo dan duit syiling dan nota dengan potret Queen Elizabeth II telah dikeluarkan.

Pada 12 Jun 1967, Negara Brunei Darussalam mengeluarkan matawang kertas moden pertama dalam denominasi \$1, \$5, \$10, \$50 dan \$100 dengan potret Al-Marhum Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Ibni Al Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II, Sultan Negara Brunei Darussalam yang Ke-28. Manakala, duit syiling Brunei moden dalam denominasi 1 sen, 5 sen, 10 sendan 50 sen pertama kali diperkenalkan pada 22 Ogos 1967. Selepas tahun 1967, wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan mempamerkan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-29.

Pada tahun 1996, Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya mengenalkan matawang jenis polimer dalam denominasi \$1, \$5 dan \$10 diikuti dengan denominasi \$50 dan \$100 pada tahun 2004. Pada tahun 2006 pula, matawang jenis polimer dalam denominasi \$500 dan \$10,000 dikeluarkan dan matawang polimer \$1,000 telah dikeluarkan pada tahun 2007.



PENUH BERSEJARAH... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika berkenan merasmikan Galeri Matawang Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) pada 17 Januari 2006.

AMBD mengeluarkan dan menjual matawang dan duit-duit syiling kenang-kenangan bersempena acara-acara kebesaran negara seperti Hari Ulangtahun Menaiki Takhta dan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Matawang dan duit-duit syiling kenang-kenangan ini adalah sesuai bagi koleksi persendirian, hadiah korporat dan cenderamata. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung ke galeri ini yang terletak di bangunan Brunei Currency and Monetary Board (BCMB) di Kompleks Kementerian Kewangan, Jalan Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan. Galeri ini dibuka

kepada orang ramai pada hari Isnin hingga Khamis, pada pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang, manakala bagi hari Jumaat, galeri akan dibuka pada pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Galeri ini akan ditutup pada hari-hari kelepasan awam dan masuk adalah percuma.

MATAWANG BRUNEI DARUSSALAM YANG ROSAK

Pernahkah anda mempunyai matawang yang rosak? Matawang Negara Brunei Darussalam yang rosak sebenarnya boleh ditukar di mana-mana bank di negara ini. Nilai pembayaran balik matawang jenis kertas dan polimer dan juga duit syiling yang rosak ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat. Di bawah Bab 19 (1) dan 19 (2), Perintah Matawang, 2004;

19 (1) Tiada seorang pun berhak untuk mendapatkan nilai balik bagi matawang atau duit syiling yang hilang, dicuri, rosak atau yang tidak sempurna.

19 (2) Terma-terma dan syarat-syarat yang membolehkan nilai matawang dan duit syiling tersebut boleh dibayar balik adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak Autoriti.

Jika, bank tidak dapat menerima matawang yang rosak tersebut, orang ramai boleh membawa matawang yang rosak tersebut kepada AMBD, di mana ia akan dinilai dari segi kesesuaian untuk dibayar balik, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat AMBD.



PEMANDANGAN depan Galeri AMBD.



ANTARA matawang yang rosak.

Bantu belia ceburi bidang keusahawanan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan terus menyokong inisiatif dan penglibatan belia dalam bidang keusahawanan, selaras dengan Dasar Belia Negara.

Berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi Ekspo Belia 2015 kali pertama di Dewan Riadah, Pusat Belia, di ibu negara, di sini, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman berkata, salah satu usaha KKBS melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) ialah program 'Business One on One For Youth' yang memberi peluang kepada usahawan belia untuk berkumpul setiap minggu di pusat tersebut di mana mereka akan dapat

berinteraksi dengan usahawan yang lain, menubuhkan rangkaian kerja dan kongsisama di antara mereka.

Tambahnya, setakat ini JBS telah berjaya mengadakan forum mengenai 'Inspire Engage', kemahiran berkomunikasi serta bazar bagi membantu usahawan-usahawan belia atau mereka yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan.

Terdahulu itu, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina berkata, bersesuaian dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini 'Generasi Berwawasan', harapan negara adalah belia sebagai pelapis kepimpinan masa kini, akan membesar sebagai generasi yang benar-benar berwawasan, bercita-cita tinggi dan bersemangat kental demi meraih kejayaan dalam

apa juga bidang yang akan mereka ceburi lebih-lebih lagi dalam bidang keusahawanan yang serba mencabar.

Menurutnya lagi, sebagai belia yang berwawasan, mereka juga harus menghayati matlamat Wawasan 2035 dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendukung matlamat ini dengan sepenuh jiwa raga masing-masing kerana pencapaiannya adalah crucial kepada *survival* negara dan kemakmuran rakyat dan negara yang berkekalan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ujarnya, akan terus berusaha untuk menyediakan iklim yang kondusif bagi perkembangan keusahawanan di negara ini.

Beberapa usaha dari agensi-agensi yang berkenaan katanya, telah diambil untuk memudahkan 'Ease of Doing Business' dengan tujuan mengurangkan halangan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha termasuk usahawan belia bagi menggalakkan keusahawanan dari segi pendidikan dan latihan, kemudahan infrastruktur, kewangan dan bantuan pemasaran.

"Maka terpuhlah kepada para belia untuk mengambil kesempatan ini dan seterusnya tampil ke hadapan bagi menahut cabaran ini dan keluar dari *comfort zone* masing-masing untuk menceburi bidang keusahawanan khususnya dalam sektor yang berpotensi untuk berkembang maju," sarannya lagi.

Ekspo Belia 2015 kali pertama ini antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada para beliawanis khususnya bagi mengikut serta aktiviti jualan keusahawanan, di samping menubuhkan satu komuniti keusahawanan para belia Brunei Darussalam.

Ekspo selama empat hari bermula 12 hingga 15 Mac adalah anjuran



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa menyaksikan Ekspo Belia 2015 di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina semasa melancarkan Ekspo Belia 2015.

bersama KKBS yang oleh Rock Solid Event Management and Marketing Services dengan mengadakan pelbagai jenis aktiviti direka khas bagi para pengunjung yang datang.



ANTARA pameran semasa Ekspo Belia 2015 kali pertama.

Bentuk usahawan berkualiti

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

SERIA, Khamis, 12 Mac. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menekankan bahawa usaha bersepadu perlu diambil bagi menerapkan nilai dan budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat terutama dalam kalangan pelajar.

Dr. Haji Abdul Manaf menambah, banyak kajian telah membuktikan bahawa pendidikan keusahawanan mampu untuk meningkatkan kecenderungan dan minat pelajar bagi menceburi diri dalam keusahawanan, di samping dapat menjadikan mereka lebih berdaya saing dan berdaya usaha sama ada dari segi pemikiran mahupun tingkah laku.

"Pembudayaan keusahawanan juga didapati amat signifikan untuk membina wadah terbaik dalam melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran dan pemikiran usahawan serta inovatif bagi kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat pada masa hadapan," ungkapnya.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, wakil peribadi beliau pada Majlis Pelancaran Karnival keusahawanan Sekolah Vokasional Sultan Bolikiah (SVSB) Ke-4 Bagi Tahun 2015 yang diadakan di Big Top, Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC), di sini.

Tetamu kehormat menambah, dalam

proses melahirkan seorang usahawan, bukan sesuatu perkara mudah dengan keadaan ekonomi global yang tidak stabil pada ketika ini.

"Oleh itu, kita bukan sahaja perlu menumpukan kepada inisiatif untuk melahirkan usahawan semata-mata tetapi perlu juga memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk membentuk usahawan yang berkualiti dan mempunyai daya tahan dan daya saing yang tinggi," jelas beliau.

Ke arah itu, Setiausaha Tetap KHEDN menggesa para usahawan yang bakal lahir perlu dilengkapi bukan sahaja dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan tetapi juga dari segi kekuatan mental dan kerohanian bagi mengharungi cabaran dan persaingan dunia keusahawanan sebenar yang semakin kompetitif.

Sehubungan itu, tambah tetamu kehormat, sesuai dengan penubuhan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang memainkan peranan penting sebagai penggerak utama dalam pembangunan sosioekonomi negara yang juga berperanan dalam meningkatkan kemajuan negara dalam mencapai Wawasan 2035.

Dr. Haji Abdul Manaf menambah, penubuhan IBTE juga penting dalam mengelakkan ketidaksepadanan kelayakan dengan pekerjaan dan untuk menampung permintaan jumlah lepasan sekolah menengah yang semakin meningkat setiap tahun.

"Kita berharap agar setiap program

yang diperkenalkan bagi kemajuan pendidikan teknik dan vokasional itu akan dapat dilaksanakan dengan jayanya selaras dengan wawasan negara yang menginginkan rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi," jelasnya.

Dr. Haji Abdul Manaf menyatakan dalam penggiatan pendidikan keusahawanan sedang diterapkan secara holistik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, keusahawanan merupakan bidang yang perlu ditingkatkan dan dimajukan jika ingin mengorak satu kuasa modal insan yang kental demi membina negara ini yang lebih maju dan berdaya saing pada masa hadapan.

"Diharapkan agar institusi pendidikan teknik dan vokasional di bawah IBTE juga dapat menghasilkan inovasi terkini yang mampu mengurangkan ketergantungan kepada kerajaan dan dapat menentukan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan yang mempunyai sifat-sifat keusahawanan," tegas beliau.

Karnival selama empat hari bermula 12 Mac ini merupakan pengurusan acara yang diintegrasikan dengan aktiviti-aktiviti seperti forum motivasi, taklimat keusahawanan, konsultasi pendidikan, persembahan pentas dan pertunjukan kereta serta gerai jualan yang disertai 69 peserta meliputi 33 terdiri daripada gerai makanan dan 36 gerai aneka jualan.

Sesi konsultasi bagi belia-belia dan pelajar sekolah menengah serta orang ramai bagi kursus-kursus yang akan ditawarkan pada bulan Julai ini



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman semasa menyaksikan pameran pada Majlis Pelancaran Karnival Keusahawanan Sekolah Vokasional Sultan Bolikiah (SVSB) Ke-4 Bagi Tahun 2015.

sebanyak 12 buah kursus termasuk sebuah kursus baru, 'HNTEC Completion Well Intervention Technician' yang menjurus kepada program minyak dan gas.

Manakala seminar atau taklimat yang diadakan bagi memberi maklumat yang betul mengenai kursus-kursus yang ditawarkan yang dapat membantu para pemohon untuk memilih kursus yang dikehendaki. Selain itu, pihak sekolah juga menyediakan pendaftaran secara *online* bagi kursus-kursus yang dipohonkan kepada pemohon-pemohon yang hadir.

Sementara itu, enam buah wakil dari

institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional, IBTE turut serta dalam sesi konsultasi bagi membantu pemohon bagi memilih kursus yang bersesuaian.

Karnival pernah dikendalikan di OGDC bertujuan bagi mengentengahkan aplikasi pembelajaran keusahawanan secara praktikal atau secara pembelajaran *authentic* yang merupakan pembelajaran wajib yang diterapkan ke atas program-program yang ditawarkan di sekolah itu baik dalam jurusan kejuruteraan, teknologi maklumat mahupun program perniagaan.

KHELNP dukung dasar, pelihara persahabatan antarabangsa



Laporan : Khartini Hamir
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Mac. - Sebanyak BND151,858,920 telah diperuntukkan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP) termasuk peruntukan bagi 43 buah Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara dalam penyediaan Rang Belanjawan Tahun 2015/2016 pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dalam mukadimah menjelaskan dengan peruntukan itu, pihak KHELNP akan dapat melaksanakan tugas mereka dengan baik dan berkesan.

Antara tugas penting kementerian berkenaan, jelas Yang Berhormat, ialah mendukung dasar dan memelihara perhubungan persahabatan kalangan antarabangsa seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Permesyuaratan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984.

Bukan sahaja kita perlu membuktikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat tetapi juga sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab kepada keamanan sejagat.

Oleh itu, Negara Brunei Darussalam telah menyertai pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa. Misalnya, ASEAN, APEC, WTO, NAM, OIC dan Commonwealth, di samping menjalin hubungan dua hala dengan 164 buah negara. Apa matlamat negara kita pada tahun 2015 Masihi?

Menurut Yang Berhormat lagi, seperti tahun-tahun lepas, KHELNP pada tahun 2015 Masihi akan menghadapi beberapa isu penting sama ada di rantau ini atau di arena antarabangsa.

Di rantau ini misalnya, terang

Yang Berhormat, kita akan terus berusaha dengan negara-negara ASEAN yang lain dalam membentuk satu Komuniti ASEAN yang dihasratkan untuk memberi manfaat dan kebajikan kepada warga ASEAN dengan menjamin keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang berkekalan di rantau ini.

Sementara itu, di arena antarabangsa pula kita akan sentiasa berhadapan dengan isu-isu keselamatan dan keamanan global. Ini termasuk juga, isu-isu yang dianggap yang memberi kesan kepada kesejahteraan sejagat seperti perubahan iklim ataupun 'Climate Change'.

Salah satu lagi portfolio penting di bawah tugas kementerian ini semenjak 2005 Masihi ialah melaksanakan penyelarasan kerjasama perdagangan serantau dan antarabangsa.

Tugas-tugas itu tambahannya, banyak tertumpu kepada perundingan-perundingan untuk mendapatkan pasaran bagi ahli perniagaan tempatan dan menarik pelaburan ke Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit mengemukakan mengenai KHELNP menerusi Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) dalam memberikan sokongan dan memudahkan misi luar Negara Brunei Darussalam dalam perdagangan dan aktiviti promosi pelaburan seperti mengatur, menyelaraskan aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan termasuk dalam penyertaan ekspo antarabangsa, pameran bergerak, promosi di luar negara, keluar dan masuk perdagangan dan misi pelaburan.

Oleh demikian, terangnya, selain promosi perdagangan minyak dan gas, apakah aktiviti promosi pelaburan dan perdagangan yang telah dilaksanakan dan bagaimana tahap atau kadar penyertaan negara-negara berkenaan.

Sementara Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin dalam pertanyaannya menyentuh mengenai pemegang CI bagi penduduk tetap sebagai dokumen perjalanan, di mana buat masa ini mereka belayar ke negara Asia memerlukan visa kecuali Singapura, Sabah dan Sarawak sahaja.

Negara Brunei Darussalam, jelasnya, sudah menjadi ahli ASEAN sejak 7 Januari 1984, dari itu pihak yang berkuasa, terangnya, perlulah membuat perundingan dengan ASEAN, supaya pemegang CI ini dikecualikan daripada visa dan dibenarkan untuk membuat lawatan sekurang-kurangnya dua minggu atau sebulan, kerana tujuan mereka membuat lawatan atas urusan perniagaan, *medical check-up*, *sight-seeing* dan bukanlah bekerja di sana.

Oleh demikian, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin berharap menerusi MoU yang telah dibuat seperti ASEAN Human Rights

Declaration pada tahun 2012 di Phnom Penh, Yang Berhormat menyarankan agar perkara itu dapat diambil keutamaan oleh pihak KHELNP menerusi perundingan dengan ASEAN Dialogue mengenai hal visa berkenaan.

Menjawab mengenai perkara berkenaan dengan Bahagian Promosi Perdagangan di KHELNP, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), KHELNP melalui Bahagian Promosi Perdagangan telah bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk meningkatkan prestasi pengusaha-pengusaha dan barang kali fokus dalam bahagian promosi ini adalah bahagian usaha-usaha pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana bagi membolehkan mereka bersaing dan menembusi pasaran antarabangsa.

Terangnya, Bahagian Promosi, KHELNP ini melalui Pusat ASEAN - Japan, Pusat ASEAN - China dan Pusat ASEAN - Korea juga turut membantu dalam bentuk program-program teknikal dan kerjasama bagi SMEs mengembangkan produk-produk tempatan dari segi kualiti dan pembungkusan. Pengusaha-pengusaha produk yang dinilai dan dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan telah dipilih untuk mengikuti program-program perkembangan pembangunan produk iaitu Product Development di dalam dan di luar negeri.

Sebagai contoh, ujarnya, ASEAN - Japan telah mendatangkan dua orang pakar packaging dan *marketing* pada Januari 2015 Masihi, bagi menerangkan tatacara *packaging* dan *marketing* produk Negara Brunei Darussalam ke pasaran Jepun, yang telah disertai oleh syarikat-syarikat Golden Corporation Sendirian Berhad, Asli KTM Sendirian Berhad, IBIC, Sahamada Sendirian Berhad dan perusahaan-perusahaan kecil.

Juga dengan Pusat ASEAN-Korea, mereka telah mendatangkan dua pakar pemakanan dari Korea pada Februari 2014 Masihi. Dalam bidang pelaburan, Pusat ASEAN - Korea telah mengadakan Investment dan Environment Seminar on Brunei Darussalam di Seoul, Korea pada Februari tahun ini, dan disertai oleh MIPR, BDB, Ghanim International Sendirian Berhad dan Golden Corporation Sendirian Berhad.

Sementara dalam bidang ICT, Pusat ASEAN - Japan dan ASEAN - Korea telah memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat ICT daripada i-Centre untuk menyertai gameshow Japan. Dalam bidang pelancongan Pusat ASEAN - Korea telah mendatangkan pakar dari Korea untuk mengajar bahasa dan budaya Korea kepada syarikat-syarikat berkaitan dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Dari itu, terang Yang Berhormat lagi, Bahagian Promosi ini juga membawa produk-produk yang berpotensi untuk dipromosikan di ekspo-ekspo dan pameran-pameran perdagangan di luar negara dan bekerjasama dengan Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei

Infrastruktur asas, kemudahan awam dipertingkatkan

Dari muka 1

Sementara bagi projek menaik taraf Jalan Buau, Biadong, Sukang, Melilas, ujar Yang Berhormat, sejumlah BND4 juta telah diperuntukkan dengan harga rancangan BND12,700,000.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan perkara tersebut semasa membentangkan mukadimah mengenai kementerian pada Majlis Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari ketujuh di Bangunan Dewan MMN, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menambah, kerja-kerja peningkatan pengurusan kesesakan dan keselamatan jalan raya di beberapa kawasan seperti Muara-Tutong, *highway roundabout* ke Pekan Muara, melapis semula jalan utama di Daerah Belait dan peruntukan-peruntukan lain sebanyak BND5 juta bagi kerja-kerja menaik taraf bekalan air; BND5 juta bagi kerja-kerja menaik taraf sistem saliran dan pembetulan termasuk bagi pencegahan banjir setempat dan sebanyak BND78.7 juta dengan harga rancangan BND741 juta bagi membiayai beberapa projek di bawah Skim Perpindahan Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) ke semua daerah.

Dalam masa yang sama, di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10, terang Yang Berhormat, lebih BND1.3 ribu iaitu BND1.3 bilion telah pun diperuntukkan bagi projek-projek penyediaan infrastruktur seluruh negara bagi sejumlah 163 projek.

Daripada jumlah ini, jelas Yang Berhormat, lebih BND593 juta bagi 65 projek jalan raya; BND361 juta bagi projek pembekalan air; BND248 juta bagi 37 projek saliran dan BND111 juta bagi 21 projek



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

pembetulan.

Yang Berhormat selanjutnya menambah, sejak permesyuaratan kesepuluh beberapa projek jejambat (flyover) sedang dalam pembinaan antaranya pembinaan jejambat di persimpangan Jalan RIPAS Jalan Babu Raja; pembinaan jejambat di persimpangan Lebuhraya Muara-Tutong Jalan Meragang; pembinaan jejambat di persimpangan Jalan Utama Berakas; Lebuhraya Muara-Tutong; pembinaan jejambat di persimpangan JalanTelanai; Jalan Gadong; pembinaan jejambat di persimpangan Jalan RPN Bukit Beruang; Lebuhraya Muara-Tutong dan pembinaan jejambat di persimpangan Jalan Utama Mentiri dan Jalan Penghubung Tanah Jambu.

Di samping itu, ujar Yang Berhormat, dua jambatan sedang dalam pembinaan iaitu Jambatan Sungai Kebun kini siap melebihi 30 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pertengahan tahun 2016 Masihi.

Sementara itu, projek jambatan ke Temburong bermula pada awal tahun ini setelah kontrak ditandatangani Februari lalu bagi fasa pertama CC2 iaitu Marine Viaduct.

Pelantikan Timbalan Pemerintah ABDB yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Mac. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan ini Kementerian Pertahanan dengan rasminya memaklumkan bahawa Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Tamit telah mengambil alih jawatan sebagai Timbalan Pemerintah ABDB.

Tarikh pelantikan berkenaan berkuat kuasa mulai hari Rabu, 13 Mac 2015.

Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz sebelum ini memegang jawatan Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei bermula 28 Februari 2014 hingga 13 Mac 2015.

Darussalam di luar negeri, di samping mengadakan seminar dan bengkel mengenai pasaran luar negara bagi SME.

Menjelaskan mengenai cadangan supaya pemegang kad pintar dirundingkan dengan negara-negara rakan kita di ASEAN supaya perjalanan mereka diberikan visa *free*, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) menjelaskan, pada masa ini ASEAN

belum ada ASEAN *free travel*, ejen kepada bukan sahaja pemegang kad pintar tetapi termasuk juga pemegang pasport ini seluruhnya belum lagi nyata menggunakan ASEAN *free travel*.

Walau bagaimanapun perkara tersebut haruslah dirundingkan dengan kementerian-kementerian yang berkenaan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kepada rakan-rakan sejawat dari negara ASEAN, jelas Yang Berhormat.

SENTIASA BERJIMAT CERMAT, BERSIAP SIAGA UNTUK BEKALAN KETIKA MEMERLUKAN

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.